# BULETIN HEP

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Edisi 1 2017/ www.utem.edu.my

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*Salam Aidilfitri*

Maaf Zahir & Batin

SOARING UPWARDS

MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

# BULETIN HEP

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Edisi 1 2017| www.utem.edu.my



KAMI WARGA PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR (HEP)
INGIN MENGUCAPKAN

سلامت هاري راي عيدالفطري

S E L A M A T   H A R I   R A Y A   A I D I L F I T R I

M A A F   Z A H I R   &   B A T I N

# SIDANG REDAKSI

**Penaung**
YBhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Penasihat**
Misdom bin Lan
Timbalan Pendaftar Kanan

**Ketua Editor**
Hamzah bin Sirun

**Ketua Pengarang**
Netty Muhalizza binti Mohd Fadzil

**Pengarang**
Idamurni binti Ismail
Azly Hisham bin Haron
Hamidi bin Mohd Hasnan
Hadibah binti Tahir
Fairul Haziq bin Mohd Aris
Dr. Norazah binti Amir
Razali bin Yaakob
Siti Sarah binti Bujang
Mohd Firdaus bin Abu Bakar
Azlan bin Azid

**Pembaca Pruf**
Mazne binti Ja'afar
Musliha binti Yusoff
Nur Azriah binti Amir
Siti Roheizah binti Mohni

**Jurufoto**
Mohd Hafidz bin Mohamad Razali
Mohd Zarlizan bin Zakaria

**Edaran**
Abdul Rahman bin Kamis
Mohd Hairi bin Abd Jalil

**Rekabentuk / Pencetakan**
Penerbit Universiti

# KANDUNGAN

**Ucapan Raya TNC** 1
YBhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Bual Bicara** 2
Misdom bin Lan
Timbalan Pendaftar Kanan

**Salam HEP** 5

**Anjuran Pejabat HEP** 8

**Program Pelajar 2017** 13

**Imbasan 2016** 29

**HEP Cakna Sana Sini** 39

**Keratan Akhbar** 42

**Budaya Berpakaian Kemas, Bersih dan Sopan** 44

**Carta Organisasi Majlis Perwakilan Pelajar 2016/2017** 45

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك



# UCAPAN RAYA

Salam Aidilfitri

**PROF. DR. IZAIDIN BIN ABDUL MAJID**
**Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)**

*Bismillahirrahmanirrahim*
*Assalamualaikum w.b.t.,*

Bismillahirahmanirahim. Syukur Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izinNya, diketemukan lagi kita dengan Syawal yang mulia, hari kemenangan bagi umat Islam yang diraikan dengan penuh rasa kesyukuran.

Setelah sebulan mengawal diri daripada lapar dan dahaga serta menghalang diri daripada melakukan apa jua perkara yang dilarang, Syawal tiba dan diraikan oleh seluruh umat Islam. Syawal yang menjelma setelah Ramadhan berlalu pergi wajar disambut dengan penuh rasa keinsafan dan kesyukuran kerana di luar sana masih ramai umat Islam yang menderita akibat peperangan, kebuluran dan hidup serba kekurangan. Dalam meraikan hari kemenangan ini, janganlah kita melupakan pada mereka yang tidak berkemampuan. Semoga yang banyak itu sama-sama kita berkongsi dan yang sedikit itu sama-sama kita merasa.

Sungguhpun Syawal melambangkan hari kemenangan bagi umat Islam, janganlah kita meraikannya dengan rasa riak dan takbur. Sesungguhnya besederhana itu adalah lebih afdal kerana ia merupakan satu sifat yang sangat terpuji. Besederhana dalam meraikan hari yang mulia ini sesungguhnya mampu mengelakkan diri daripada pembaziran. Di Aidilfitri ini jugalah merupakan kesempatan terbaik untuk kita saling melupakan semua perselisihan dan persengketaan sesama manusia. Sesungguhnya sifat saling memaafi itu adalah satu sifat yang sangat mulia dan ia merupakan pemangkin kepada hubungan silaturahim yang erat. Sungguhpun sukar diungkap, namun tersirat seribu kebaikan bagi setiap kata maaf yang diucapkan. Janganlah kita mensia-siakan hari yang mulia ini dengan memanjangkan lagi persengketaan dan ambillah peluang ini untuk kita saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin. Sesungguhnya hubungan persaudaraan itu adalah mulia di sisiNya dan mendatangkan seribu pahala bagi mereka yang menjaganya.

Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga UTeM dan juga umat Islam yang meraikannya. Semoga di hari yang mulia ini, kita beroleh keberkatan dan dikurnia rahmat yang melimpah-ruah.

Lemah Gemalai Tuan Puteri,
Berkain Cindai Cantik Sekali,
Pohon Kemaafan Di Aidilfitri,
Moga Ukhuwah Kekal Abadi.

Takbir Bergema Di Hening Pagi,
Memohon Keampunan Kehadrat Ilahi,
Warga HEP Menyusun Sepuluh Jari,
Tangan Dihulur Mohon Diampuni.



# Bual Bicara

**Misdom Bin Lan**
**Timbalan Pendaftar Kanan**
**Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar**
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

## Latar belakang & Pengalaman

Ruangan Bual Bicara Bersama kali ini membuka lembaran Edisi Khas Buletin HEP 2017 dengan temubual santai bersama En. Misdom bin Lan selaku Timbalan Pendaftar Kanan HEP. Anak jati Batu Pahat, Johor ini merupakan anak ke empat dari tujuh adik-beradik yang mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sri Permatang Rengas, Sri Medan sebelum menamatkan pelajaran di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Medan, Batu Pahat. Seterusnya beliau meneruskan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang Diploma Pentadbiran Awam dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Maklumat.

Beliau memulakan perkhidmatan pada tahun 1985 di Universiti Teknologi MARA hingga 2003 dan "menyambung perkhidmatan" pada Jun 2003 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang pada ketika itu dikenali sebagai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM). Di UTeM, beliau telah berkhidmat di Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) sebelum ditempatkan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) hingga kini mulai November 2014.

## Latar belakang Pejabat HEP UTeM

Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 September 2001 dan terbahagi kepada enam (6) bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Bahagian Pembangunan Pelajar, Bahagian Perkhidmatan Pelajar, Bahagian Kebudayaan & Warisan, Pusat Kesihatan dan Pusat Sukan.

HEP memikul tanggungjawab yang penting sebagai pelengkap kepada proses pendidikan yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi diri pelajar. Antara peranan utama HEP ialah memantapkan program pembangunan dan kebajikan pelajar sekurang-kurangnya setanding dengan IPTA lain serta mengukuhkan setiap pusat, bahagian dan unit yang telah di tubuhkan di bawah HEP agar mencapai matlamat dan sasaran yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik Universiti.

Di samping itu, HEP juga berfungsi sebagai pelaksana program memurnikan pembangunan sahsiah dan jati diri para pelajar, memastikan kebajikan pelajar terpelihara dan menguruskan pengisian program yang dapat disertai oleh pelajar dalam usaha melahirkan graduan yang cemerlang dan berkualiti serta mempunyai "soft skills" yang mantap.

Selain itu, HEP juga bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan menyeluruh yang berkualiti kepada pelajar dalam usaha menjadi pemangkin ke arah pembentukan kecemerlangan, kewibawaan dan ketrampilan pelajar melalui perancangan dan perlaksanaan program pembangunan sahsiah. Melalui penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif, kecemerlangan pelajar yang dihasratkan haruslah dalam bentuk kombinasi kecemerlangan akademik, kokurikulum dan sahsiah diri agar ia seiring dengan usaha melahirkan graduan yang holistik, berkualiti, seimbang, kompeten dan berdaya saing untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan.

## Keutamaan HEP UTeM

Berteraskan kepada misi HEP yang telah ditetapkan iaitu 'Menjadi Pusat Pembangunan Insan Yang Kreatif dan Inovatif' dan visi 'Melahirkan Graduan yang Bersahsiah Murni , Berpesonaliti Unggul dan Mempunyai Daya Juang yang Tinggi Melalui Proses

Pembangunan Insan yang Berkualiti dan Perkhidmatan yang Cemerlang serta Penyediaan Prasarana yang Kondusif', HEP berhasrat untuk menjadi pemangkin kepada kecemerlangan ilmu dan pembangunan sahsiah pelajar melalui program-program yang dirancang sepanjang tahun. Selain itu, HEP juga berusaha untuk membantu pelajar bersedia untuk mendepani lapangan dunia sebenar apabila mereka menamatkan pengajian kelak. Pelajar perlu diberi peluang untuk meningkatkan soft skills melalui pelbagai aktiviti dan program yang terancang dan terarah.

### Strategi HEP UTeM untuk persediaan pelajar menghadapi cabaran masa hadapan

Strategi HEP untuk menyediakan pelajar yang berupaya menghadapi cabaran masa depan adalah melalui kaedah Kajian Masa Depan (KMD) dan Neuro-Linguistic Programming (NLP)/Team Coaching. Kedua-dua kaedah ini akan digabungjalin di dalam modul program-program anjuran HEP.

Melalui kajian masa depan, pelajar akan dididik agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan mada depan. Ini bermakna, pelajar dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum. Kaedah KMD merupakan strategi untuk menambahkan keupayaan pelajar dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup dan membuat keputusan.

Kaedah KMD akan membina generasi masa depan, menghasilkan tenaga manusia yang berfikir, menjangka masalah dan berupaya membuat keputusan dan membawa anjakan paradigma terhadap budaya berasaskan ingatan kepada budaya berfikir.

Melalui kaedah Neuro-Linguistic Programming (NLP)/ Team Coaching pula, pelajar akan didorong untuk memilih matlamat yang hendak dicapai. Coach akan mendorong pelajar melalui soalan-soalan berkaitan agar matlamat yang ditetapkan akan lebih jelas dan mampu dicapai. Melalui kaedah ini, coach tidak akan memberikan cadangan tindakan dan strategi untuk mencapai matlamat, sebaliknya pelajar akan didorong untuk menyusun strategi dan tindakan-tindakan yang lahir dari peta minda (mind set) pelajar itu sendiri. Seterusnya pelajar akan membuktikan kepada coach berkenaan tindakan-tindakan yang telah disenaraikan itu dilaksanakan sehingga matlamat tercapai dalam tempoh yang ditetapkan mengikut kesesuaian dan kesediaan pelajar.

### Enam Aspirasi Mencapai Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Dalam Pembangunan Pelajar Secara Holistik

Selain daripada program akademik yang diikuti oleh pelajar sepanjang berada di UTeM, pelajar juga perlu bersedia mengikuti program kokurikulum dan aktiviti di luar bilik kuliah. Program dan aktiviti di luar bilik kuliah akan membangunkan soft skills seseorang pelajar agar lebih kreatif dalam mengambil sesuatu tindakan. Program yang dirancang perlu disusun melengkapi keperluan enam (6) aspirasi iaitu Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Etika dan Kerohanian, Identiti Nasional, Kemahiran Dwibahasa dan Pengetahuan.

Aktiviti kokurikulum merupakan satu platform yang boleh membentuk pelajar mengembangkan bakat dan kemahiran insaniah mereka. Keterlibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum membolehkan mereka menggunakan segala kemahiran yang ada bagi menjalankan sesuatu aktiviti. Pendedahan ini akan membolehkan mereka mencungkil potensi-potensi diri yang ada tanpa mereka sedari. Kelaziman dalam melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum akan menjadikan mereka seorang yang berkemahiran hasil dari pengalaman-pengalaman yang diperolehi ketika menjalani aktiviti-aktiviti kokurikulum tersebut.

### Situasi Mahasiswa Masa Kini Dan Cabarannya

Aset paling penting untuk mencapai tahap negara maju berpendapatan tinggi adalah melalui modal insan berkualiti. Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk generasi baharu yang dapat memenuhi aspirasi dan keperluan negara pada masa hadapan. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengorak langkah membentuk generasi baharu yang berkualiti bagi tempoh 13 tahun akan datang melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi).

Kita melalui arus perubahan dan perbezaan generasi sejak kemerdekaan sehingga kini. Masyarakat hari ini terdiri dari golongan baby boomers, Gen X dan Gen Y. Dengan melihat kepada perbezaan generasi ini, sudah pastinya kita dapat rasai bahawa sistem, kaedah, malahan pendekatan pendidikan pada zaman di Malaysia juga turut melalui perubahan. Sistem pendidikan sentiasa berbeza kerana sifatnya adalah dinamik dan perlu berubah mengikut peredaran zaman bagi memastikan kualiti dan sistem pendidikan yang dibentuk adalah relevan dengan persekitaran semasa. Kaedah dan pendekatan para pendidik terhadap apa yang hendak disampaikan juga perlu berubah.

Pendidikan abad ke-21 adalah pendidikan yang melahirkan generasi yang berilmu untuk berfikir, bertindak dan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat berlandaskan skop yang global dan teknologi yang terkini, serta berupaya menangani gelombang perkembangan dan perubahan masa kini. Ia juga mengupayakan seseorang dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan (ASK- Attitude, Skill and Knowledge) untuk melakukan perkara-perkara yang perlu dan patut dilakukan dalam konteks persekitaran yang sentiasa berubah.

YAB Perdana Menteri, mengatakan,"..untuk mencapai kedudukan negara bertaraf dunia atau world class nation kita mesti terlebih dahulu perlu mempunyai sistem pendidikan yang bertaraf dunia, kerana sistem pendidikan yang bertaraf dunialah yang akan melahirkan negara yang bertaraf dunia".

Agenda transformasi pendidikan negara juga akan mempersiapkan generasi baharu supaya berani menghadapi cabaran masa hadapan, menyelesaikan

konflik secara aman, membuat keputusan yang wajar dalam situasi kritikal, dan mempunyai keberanian melakukan apa yang betul. Perwatakan ini dapat diterapkan melalui program dan aktiviti pembangunan sahsiah dan moral yang menekankan kepada aspek kerohanian, integriti dan mempunyai tanggungjawab kepada negara yang tinggi.

### Saranan Dan Harapan Kepada Semua Mahasiswa UTeM Dan UA Keseluruhannya

Pelbagai program prasiswazah yang telah menghasilkan graduan-graduan berdaya saing yang mengisi pelbagai peluang kerjaya di pasaran kerja. Kebiasaannya, kesesuaian program yang diikuti dilihat sebagai antara punca kepada kesulitan menentukan kerjaya selepas bergraduat.

Namun, pada zaman globalisasi dan liberalisasi yang berteraskan ICT, dunia tanpa sempadan ini, alasan tersebut tidak boleh lagi dianggap sebagai teori yang dominan. Dengan kata lain, sesuatu program atau kursus itu tidak lagi boleh dianggap sebagai faktor penentu kepada jenis kerjaya siswa siswi kelak.

Walau bagaimanapun, pelajar harus sedar dan faham bahawa sesuatu program tidak boleh dianggap sebagai faktor penentu kepada jenis kerjaya mereka kelak. Apa sahaja bidang yang diikuti sepanjang pengajian, sebenarnya mempunyai masa depan yang sangat cerah. Walau bagaimanapun ianya tertakluk dengan kebijaksanaan individu tersebut mengaplikasikannya dengan pasaran kerja atau peluang kerjaya yang sentiasa menanti. Oleh itu, semasa mengikuti pengajian di UTeM, pelajar harus menanamkan tekad untuk berusaha menjadi seorang yang terbaik dalam kalangan rakan-rakan mereka yang terbaik.

Keberadaan pelajar di UTeM merupakan pengalaman pertama bagi mereka dalam menjalani kehidupan di Institusi Pengajian Tinggi. Sesungguhnya, mereka memperolehi peluang yang sangat baik kerana sepanjang berada di universiti dalam tempoh tiga hingga empat tahun, mereka akan menjalani proses pembentukan diri menjadi orang yang mampu berfikir dan berkemahiran profesional dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Pelajar harus menggunakan kesempatan belajar di universiti untuk menguasai seluas mungkin pengetahuan dan setinggi kemahiran.

Masa depan yang baik boleh dimiliki oleh setiap orang yang rajin berfikir dan berusaha tanpa jemu. Tiada kejayaan tanpa usaha gigih dan berterusan. Kejayaan terletak pada usaha kita sendiri bukan bersandarkan kepada orang lain.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM

***Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri 2017 kepada semua warga HEP khususnya dan UTeM amnya.***



# SKIM KHAIRAT KEMALANGAN KEMATIAN PELAJAR

Setelah lebih 14 tahun Skim Khairat Kemalangan dan Kematian Pelajar dilaksanakan di UTeM, Pejabat Hal Ehwal Pelajar merasakan keperluan untuk membuat penambahbaikan kepada Skim sedia ada iaitu dari segi peningkatan kadar sumbangan serta perluasan skop bagi menyokong aspek kebajikan kepada pelajar khususnya mereka dari keluarga berpendapatan rendah.

Penambahbaikan kepada Skim Khairat Kemalangan dan Kematian Pelajar telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam Mesyuarat Bilangan 5/2016 yang diadakan pada Oktober 2016 yang lalu. Di bawah ini dikongsikan kadar sumbangan terkini.

## KEMATIAN

### Kematian Pelajar



- Waris terima RM2,000.00
- Pengurusan jenazah ditanggung oleh UTeM
  * Bagi pelajar beragama Islam > mandikan jenazah, kapan dan sembahyang jenazah
  ** Bagi pelajar bukan Islam > pengurusan jenazah
- Penghantaran jenazah balik ke kampung halamannya termasuk perkhidmatan kargo bagi pelajar yang berasal dari Sabah/Sarawak
- Tambang kapal terbang pergi dan balik kelas ekonomi untuk waris pelajar Sabah/Sarawak (terhad kepada 2 orang sahaja)

### Kematian Keluarga



Ibu atau bapa sahaja
- Pelajar terima RM300.00 (kes pelajar Semenanjung)
- Pelajar terima RM800.00 (kes pelajar Sabah/Sarawak)

Isteri/Suami/Anak sahaja
- Pelajar terima RM100.00 bagi kematian suami atau isteri
- Pelajar terima RM100.00 bagi setiap kematian anak.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## KEMALANGAN

### Kemalangan Jalan Raya



| Bil. | Kecederaan | Kadar Bayaran |
|---|---|---|
| 1. | Luka ringan akibat kemalangan | Maksima RM50.00 |
| 2. | Luka ringan akibat aktiviti rasmi (tergeliat) | RM50.00 |
| 3. | Luka dan berjahit selain bahagian muka dan sendi-sendi (< 5 jahitan) | RM60.00 |
| 4. | Luka dan berjahit bahagian muka dan sendi-sendi (< 5 jahitan) | RM70.00 |
| 5. | Luka dan berjahit selain bahagian muka dan sendi-sendi (> 6 jahitan) | RM80.00 |
| 6. | Luka dan berjahit bahagian muka dan sendi-sendi (> 6 jahitan) | RM100.00 |
| 7. | Luka parah (luka sebahagian besar badan) | RM100.00 |
| 8. | Patah tangan kiri atau kurang digunakan | RM120.00 |
| 9. | Patah tangan kanan atau kurang digunakan | RM150.00 |
| 10. | Patah sebelah kaki | RM180.00 |
| 11. | Patah kedua-dua tangan | RM200.00 |
| 12. | Patah kedua-dua belah kaki | RM200.00 |
| 13. | Tenat | RM200.00 |
| 14. | Hilang upaya (kekal) | RM200.00 |

Bayaran perubatan Hospital Kerajaan akan ditanggung oleh Universiti

## KEMALANGAN

**Kemalangan Sukan**



| Bil. | Kecederaan | Kadar Bayaran |
|---|---|---|
| 1. | Terseliuh atau urut tradisional | Maksima RM50.00 |
| 2. | Kecederaan ringan dan perlu rawatan di Hospital Kerajaan | RM50.00 – RM90.00 |
| 3. | Kecederaan berat sehingga menyebabkan patah anggota | RM100.00 – RM200.00 |

**Kes Lain (seperti Kebakaran, Bencana Alam Dan Lain-Lain)**



- Kadar bantuan akan ditentukan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) mengikut kes, tertakluk kepada kadar maksimum RM2,000.00.

### KHAIRAT PELAJAR 2016

| BIL | PERKARA | JUMLAH (ORANG) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Kemalangan & Sukan | 25 | 3,280 |
| 2 | Kematian Keluarga | 19 | 5700 |
| 3 | Bencana | 2 | 7,000 |
| 4 | Kematian Pelajar | 3 | 4,500 |
| 5 | Lain-Lain Sumbangan Termasuk Pembayaran Yuran Pengajian, Pembiayaan Pembedahan | 7 | 23,294.20 |

### KELULUSAN PINJAMAN JANGKA PENDEK (PJP) TAHUN 2016

| BIL | BULAN | BIL PELAJAR | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | JAN | 123 | 56,800.00 |
| 2 | FEB | 6 | 2,750.00 |
| 3 | MAC | 0 | 0.00 |
| 4 | APRIL | 69 | 32,600.00 |
| 5 | MEI | 81 | 38,150.00 |
| 6 | JUN | 23 | 10,700.00 |
| 7 | JULAI | 1 | 500.00 |
| 8 | OGOS | 11 | 5,100.00 |
| 9 | SEPTEMBER | 0 | 0.00 |
| 10 | OKTOBER | 41 | 20,500.00 |
| 11 | NOVEMBER | 135 | 66,350.00 |
| 12 | DISEMBER | 14 | 6,150.00 |
| | | 504 | 239,600.00 |

# KOLEJ KEDIAMAN LESTARI

Kolej Kediaman Lestari merupakan satu-satunya kolej kediaman yang berada di dalam kampus induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Kolej ini mula beroperasi pada 1 September 2012 yang diterajui oleh seorang Pengetua, 2 orang Felo, dibantu oleh staf pentadbiran yang terdiri dari seorang Penolong Pengurus Asrama Kanan dan 4 orang Penyelia Asrama.

Kolej ini menyediakan kediaman bagi 1022 orang pelajar yang merangkumi 698 orang pelajar perempuan dan 322 orang pelajar lelaki. Prasarana yang disediakan adalah Kafeteria, Arked Lestari, gelanggang badminton terbuka, gelanggang futsal, padang bola serta gelanggang bola keranjang.







# PENUBUHAN UNIT PERGIGIAN DI PUSAT KESIHATAN UTeM

Klinik Pelajar UTeM telah dijenamakan sebagai Pusat Kesihatan Universiti (PKU) Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada tahun 2014. Sejajar dengan penjenamaan ini, PKU telah mengembangkan lagi perkhidmatan yang ditawarkan kepada warga UTeM termasuklah Perkhidmatan Pergigian di bawah Unit Pergigian yang memulakan perkhidmatan secara keseluruhan pada tanggal 3 Ogos 2015 dengan diterajui oleh Pegawai Pergigian, Dr. Norazah Amir dan dibantu oleh Pembantu Pembedahan Pergigian, En. Daud Md Dawi.

Pada awalnya, perkhidmatan untuk warga UTeM itu terhad kepada khidmat perundingan dan promosi kesihatan pergigian disebabkan fasiliti yang masih belum sempurna pada waktu itu. Pada bulan November 2015, Unit Pergigian telah memperolehi satu set Unit Mudahalih yang membolehkan Pegawai Pergigian menjalankan rawatan pergigian kepada pesakit. Rawatan yang dapat diberikan pada ketika itu adalah rawatan penskaleran dan tampalan gigi. Walaupun dengan fasiliti yang serba kekurangan dan khidmat rawatan yang terhad, kedatangan pesakit pergigian dalam kalangan warga UTeM untuk mendapatkan rawatan pergigian adalah sangat menggalakkan.

Pada bulan Jun 2016, bilik rawatan pergigian di PKU UTeM Kampus Induk telah menjalani kerja-kerja pengubahsuaian untuk pemasangan kerusi pergigian (dental cum chair). Sepanjang kerja pengubahsuaian yang mengambil masa selama 5 bulan itu, perkhidmatan pergigian telah berpindah dan beroperasi secara sementara di Kampus Teknologi. Unit Pergigian kemudian berpindah masuk semula ke Kampus Induk dan beroperasi di bilik rawatan yang lebih lengkap dan selesa pada 14 November 2016.

Perkhidmatan pergigian yang melibatkan prosedur-prosedur rawatan pergigian adalah seperti pemeriksaan dan perundingan, tampalan, cabutan, penskaleran dan penggilapan serta ubat-ubatan. Perkhidmatan ini bukan sahaja diberikan kepada staf dan pelajar, malah ianya turut dipanjangkan kepada tanggungan staf. Walaubagaimanapun, disebabkan kekangan tenaga kerja dan keutamaan yang diberikan kepada para pelajar, perkhidmatan pergigian kepada staf dan tanggungan hanya dijalankan semasa cuti semester sahaja.

Staf yang bertugas di bawah Unit Pergigian terdiri daripada 2 orang anggota sahaja iaitu seorang Pegawai Pergigian dan seorang Pembantu Pembedahan Pergigian. Nisbah Pegawai Pergigian kepada pelajar UTeM adalah 1:11,754 orang (sumber: http://www.utem.edu.my/portal/ms/fakta-ringkas.html) dan jumlah populasi ini tidak termasuk warga UTeM dalam kalangan staf dan tanggungan. Kedatangan pesakit ke klinik pergigian menunjukkan peningkatan dari masa ke masa. Sehingga Disember 2016, jumlah kedatangan pesakit pergigian adalah seramai 1035 orang. Walaupun dengan kekangan tenaga kerja yang ada, Unit Pergigian tetap komited dan berusaha untuk memberikan perkhidmatan pergigian yang terbaik kepada warga kampus.

Dalam usaha menambahbaik perkhidmatan pergigian di UTeM, Unit Pergigian berhasrat untuk memperolehi fasiliti x-ray pergigian dan membuat penambahan staf bagi jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian bagi melancarkan operasi klinik. Diharapkan perancangan ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat demi untuk memastikan warga kampus UTeM mendapat perkhidmatan pergigian yang berkualiti dan seterusnya mempunyai tahap kesihatan pergigian yang baik serta kekal sihat sepanjang hayat.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Pegawai Pergigian :
Dr Norazah Binti Amir

Pembantu Pembedahan Pergigian :
Encik Daud Bin Md Dawi



Sebelum



Selepas

## STAF HEP, IPTK DAN MPP UTeM
# MASAK BUBUR LAMBUK DAN IFTAR



Durian Tunggal – Kira-kira 50 orang kaktangan Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), Institut Pengurusan Teknologi Keusahawanan (IPTK) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengambil giliran membuat gotong-royong menyediakan bubuk lambuk untuk diedarkan kepada orang ramai di Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM selepas solat zuhur dan mengadakan jamuan IFTAR untuk pelajar dan kakitangan UTeM pada waktu berbuka.

Program yang dianjurkan setiap tahun mendapat sambutan yang menggalakkan apabila jamuan IFTAR dihadiri lebih 800 pelajar dan kakitangan UTeM. Turut hadir pada majlis tersebut Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhammad.

Penolong Pendaftar Kanan, Azly Hisham Haron berkata, pada tahun ini pihak penganjur menyediakan 1500 bungkusan makanan berlauk disediakan untuk diedarkan kepada pelajar-pelajar yang hadir ke masjid tersebut." Semoga program ini merapatkan lagi ukhuwah antara kakitangan dan pelajar UTeM sekali gus membuat amal jariah sempena bulan Ramadhan," katanya ketika ditemui.





UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Universiti Macau kunjungi UTeM,
# TINGKAT KESERAKANAN





Seramai 35 pelajar dan staf dari Universiti Macau berkunjung ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM, Misdom Lan berkata, lawatan itu bertujuan untuk melahirkan keserakanan mahasiswa kedua-dua universiti tersebut meliputi bidang akademik, kebajikan pelajar serta pengurusan kelab dan persatuan pelajar.

"Dalam perbincangan yang telah diadakan, kedua-dua pihak turut berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan secara bersama termasuk pertukaran pelajar" ujar beliau.

Jelas Misdom, lawatan itu juga merupakan platform kepada Majlis Perwakilan Pelajar UTeM (MPP) untuk bertukar-tukar maklumat dengan rakan-rakan dari Universiti Macau sekaligus meningkatkan kemahiran komunikasi untuk lebih berkeyakinan dan berketrampilan.

Sementara itu, menurut Naib Rektor Universiti Macau Prof. Hayden Chen berkata, pihaknya memilih UTeM sebagai destinasi lawatan kerana keunikan modul pembelajarannya yang kondusif serta status Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia UNESCO.

Delegasi Universiti Macau turut dibawa melawat Pusat Sukan UTeM, Pusat Persatuan Pelajar serta beberapa buah fakulti yang terdapat di Kampus Induk serta berkunjung ke tempat-tempat bersejarah disekitar negeri ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UTeM Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid dan Yang Di-Pertua MPP UTeM Abdul Haniff Abdul Rani.

*Majlis*

# ANUGERAH BAKTI DAN KEGEMILANGAN PELAJAR & ANUGERAH SUKAN UTeM (MASUTeM) '16

## *Raikan Pelajar dan Staf*









Majlis Anugerah Bakti & Kegemilangan Pelajar Dan Anugerah Sukan UTeM 2016 berlangsung dengan penuh kemeriahan sebagai pengiktirafan kepada para pelajar yang aktif di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan & kesukarelawan, keusahawanan, kepimpinan dan kebudayaan. Majlis ini juga bertujuan mengiktiraf sumbangan dan jasa bakti atlet-atlet universiti sama ada staf mahupun pelajar yang telah mengharumkan nama UTeM di peringkat Universiti Awam, negeri, kebangsaan dan antarabangsa di Dewan Sukan, Pusat Sukan UTeM pada 26 April lalu.

Majlis yang disempurnakan oleh Naib Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib itu turut diiringi Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor dan Pegawai-pegawai Kanan Universiti.

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib berkata, "Penganugerahan ini sebagai pendorong dan penyuntik semangat lebih ramai warga UTeM untuk bergiat dengan lebih gigih seterusnya cemerlang dalam bidang yang diceburi khususnya dalam bidang kesukanan, persatuan dan kelab.

Di samping itu, adalah menjadi harapan UTeM untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi dan kompeten malah mempunyai nilai diri dan keperibadian cemerlang"

Sejumlah 12 anugerah disampaikan untuk Anugerah Bakti & Kegemilangan Pelajar termasuk 2 anugerah utama Anugerah Khas Juri yang disampaikan kepada Tan Kok Siang manakala Anugerah Pelajar Gemilang dianugerahkan kepada Ahmad Nawawi Bin Mohd Amin.

Anugerah Sukan UTeM pula menganugerahkan 18 kategori termasuk anugerah utama iaitu Anugerah Olahragawati (Kategori Staf) dimenangi oleh Siti Massheila Binti Azman dan untuk Anugerah Olahragawati (Kategori Pelajar) dimenangi oleh Balqis binti Ahmad Basuki. Manakala Anugerah Olahragawan (Kategori Staf) dimenangi oleh Mohd Zarlizan bin Zakaria dan Anugerah Olahragawan (Kategori Pelajar) pula dimenangi oleh Muhammad Asyraf bin Anuar.

Pengiktirafan seumpama ini sememangnya dapat meningkatkan lagi keyakinan diri, semangat juang yang sihat, membina asas kepimpinan dan kerja berkumpulan.

# Lawatan UMS Dan UPSI Eratkan Hubungan





Seramai 8 orang staf Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan 10 orang staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan lawatan muhibah ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UTeM baru – baru ini.

Rombongan tersebut telah disambut oleh Timbalan Pendaftar Kanan HEP, Misdom bin Lan bersama Pegawai-Pegawai Kanan HEP di Bilik Mesyuarat HEP. Menurut En. Misdom, antara tujuan lawatan ialah bagi mengeratkan lagi silaturahim antara tiga Universiti di samping bertukar pandangan dan pendapat bagi menambahbaik sistem dan pengurusan HEP di universiti masing-masing. Menurutnya lagi, sistem pentadbiran dan pengurusan asrama juga merupakan agenda utama dalam perjumpaan kali ini di samping membincangkan beberapa perkara termasuklah mengenai kebajikan, kebudayaan, kaunseling dan aktiviti pelajar.

Rombongan juga telah melawat beberapa tempat termasuklah Pusat Persatuan Pelajar dan beberapa buah asrama pelajar.

UTeM
اونيۈرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Kelab Usrati Pejabat HEP

## *Anjur Majlis Doa Selamat dan Bacaan Yasin Menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak 2017*

Kelab USRATI HEP 2017 telah menganjurkan Majlis Doa Selamat dan Bacaan Yasin sempena menyambut bulan Ramadhan 2017 bertempat di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar). Antara aktiviti pada hari tersebut termasuklah bacaan Yasin yang diketuai Pengerusi Kelab USRATI En. Misdom bin Lan, Timbalan Pendaftar Kanan, Pejabat HEP, jamuan makan (Pot Luck) dan sesi bergambar. Majlis tersebut turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid bersama pegawai-pegawai Pejabat HEP.



# PEJABAT HEP RAIKAN STAF BERPINDAH PEJABAT

Kelab USRATI, Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan majlis bagi meraikan staf HEP yang berpindah ke Jabatan yang baru. Majlis yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid dan Misdom bin Lan, Timbalan Pendaftar Kanan, pegawai-pegawai kanan HEP kakitangan Pejabat HEP.

Antara staf yang berpindah pejabat termasuklah Mohd Rusdi Isohod yang berpindah ke Pusat Islam. Manakala Asshari Abbas dan Muhammad Habib Ghani berpindah ke Jabatan Mel. Walau bagaimanapun, Pejabat HEP telah menerima pegawai baharu, Fairul Haziq Mohd Aris yang berpindah dari Pejabat Pendaftar.

Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid dalam ucapannya, mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua staf yang berpindah kerana memberi perkhidmatan yang baik semasa bertugas di Pejabat HEP.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





# KECEMERLANGAN MAHASISWA

Sepanjang tahun 2016 Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah melaksanakan sebanyak 325 buah program/aktiviti pelajar daripada pelbagai kelab/ persatuan/sekretariat yang merangkumi 6 Asprirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu Pengetahuan, Kemahiran Berfkir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika Dan Kerohanian Dan Identiti Nasional. Penglibatan seramai 43,121 orang pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui persatuan/kelab/ sekretariat yang dianggotai oleh pelajar UTeM dan juga dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta (pihak industri) atau komuniti setempat.

Penglibatan pelajar dalam kegiatan berpersatuan berupaya meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengurusan organisasi, berkomunikasi, kepimpinan dan jati diri bagi membentuk pelajar yang holistik, seimbang akademik dan kokurikulum dan boleh bersaing serta menempatkan diri diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

**Statistik Bilangan Penyertaan Dan Program Yang Dilaksanakan Januari Hingga Disember 2016**
**Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

**Bilangan Program Anjuran HEP, MPP & Kelab/Persatuan Januari Hingga Disember 2016**

| JAN | FEB | MAC | APRIL | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | JUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10 | 12 | 48 | 34 | 46 | 7 | 4 | 14 | 22 | 50 | 59 | 19 | **325** |




**Bilangan Program Anjuran HEP, MPP & Kelab/Persatuan Mengikut Kategori Januari Hingga Disember 2016**

| KATEGORI | JAN | FEB | MAC | APRIL | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | JUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KEROHANIAN | 0 | 0 | 9 | 4 | 6 | 1 | 1 | 3 | 2 | 10 | 7 | 4 | **47** |
| KEPIMPINAN | 2 | 3 | 0 | 4 | 4 | 1 | 1 | 5 | 3 | 3 | 6 | 1 | 33 |
| PENGURUSAN | 2 | 2 | 10 | 4 | 10 | 2 | 0 | 3 | 8 | 17 | 15 | 3 | **76** |
| KEUSAHAWANAN | 0 | 1 | 3 | 2 | 1 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 1 | 2 | **12** |
| SUKAN & REKREASI | 5 | 3 | 18 | 12 | 19 | 0 | 1 | 2 | 6 | 12 | 14 | 4 | **96** |
| KEBUDAYAAN | 0 | 2 | 3 | 2 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 3 | 7 | 3 | **22** |
| KESUKARELAWANAN | 1 | 1 | 5 | 6 | 5 | 3 | 1 | 0 | 1 | 5 | 9 | 2 | **39** |
| **JUMLAH** | **10** | **12** | **48** | **34** | **46** | **7** | **4** | **14** | **22** | **50** | **59** | **19** | **325** |

**Bilangan Penyertaan Pelajar Dalam Program Anjuran HEP, MPP & Kelab/Persatuan Januari Hingga Disember 2016**

| JAN | FEB | MAC | APRIL | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | JUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 419 | 789 | 4180 | 1490 | 2478 | 1664 | 297 | 10568 | 7084 | 5646 | 7025 | 1481 | **43121** |




**Bilangan Penyertaan Pelajar Dalam Program Anjuran HEP, MPP & Kelab/Persatuan Mengikut Kategori Januari Hingga Disember 2016**

| KATEGORI | JAN | FEB | MAC | APRIL | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | JUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KEROHANIAN | 0 | 0 | 480 | 140 | 270 | 1400 | 250 | 6000 | 4000 | 1388 | 1677 | 155 | **15760** |
| KEPIMPINAN | 60 | 170 | 0 | 270 | 100 | 10 | 10 | 2840 | 200 | 217 | 223 | 1 | **4101** |
| PENGURUSAN | 109 | 42 | 780 | 201 | 890 | 104 | 0 | 1647 | 1948 | 1733 | 578 | 125 | **8157** |
| KEUSAHAWANAN | 0 | 300 | 680 | 65 | 200 | 0 | 0 | 0 | 450 | 0 | 40 | 493 | **2228** |
| SUKAN & REKREASI | 230 | 55 | 1815 | 544 | 783 | 0 | 19 | 31 | 186 | 360 | 2299 | 101 | **6423** |
| KEBUDAYAAN | 0 | 210 | 65 | 75 | 50 | 0 | 0 | 50 | 0 | 766 | 778 | 506 | **2500** |
| KESUKARELAWANAN | 20 | 12 | 360 | 195 | 185 | 150 | 18 | 0 | 300 | 1182 | 1430 | 100 | **3952** |
| **JUMLAH** | **419** | **789** | **4180** | **1490** | **2478** | **1664** | **297** | **10568** | **7084** | **5646** | **7025** | **1481** | **43121** |

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN

## YBHG.TAN SRI PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI Kepada PARA PELAJAR UTeM

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Fasc telah berbesar hati menyampaikan sumbangan kepada pelajar-pelajar asnaf di UTeM bersempena dengan Majlis Iftar bersama Tun Canselor pada 14 Jun 2017 bersamaan dengan 19 Ramadhan 1438H. Seramai 24 orang yang terpilih untuk menerima sumbangan daripada YBhg. Tan Sri Pengerusi LPU.

Majlis penyerahan ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Naib Canselor UTeM, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) dan Timbalan Pendaftar Kanan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan alu-aluan oleh YBhg. Datuk Naib Canselor iaitu memperkenalkan latar belakang Pengerusi LPU kepada para pelajar. Selepas itu, YBhg. Tan Sri Pengerusi memberi kata-kata perangsang serta motivasi kepada para pelajar sebelum menyerahkan sumbangan kepada pelajar.

Majlis berakhir pada jam 6.20 petang untuk memberi laluan kepada YBhg. Tan Sri untuk Majlis Iftar Bersama Tun Canselor UTeM.










# English Mentoring Programme 3.0 #OhMyMUET

## Mensasarkan Peningkatan Kadar Lulus MUET

*English Mentoring Programme 3.0 #OhMyMUET* mensasarkan untuk peningkatan kadar lulus MUET dalam kalangan peserta bagi memenuhi syarat graduasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Program anjuran Exco Akademik dan Hal Ehwal Fakulti Majlis Perwakilan Pelajar 2016/2017 (MPP) UTeM itu disertai 337 orang pelajar di Dewan Seminar FTMK, UTeM.

Program ini terbahagi kepada dua fasa pembelajaran iaitu Fasa 1 memfokus kepada pembelajaran Speaking manakala Fasa 2 menumpukan kepada pembelajaran *Reading, Listening dan Writing*. Modul yang digunakan untuk program ini merangkumi semua pembelajaran untuk peperiksaan MUET dan dibantu oleh bimbingan Sukarelawan Akademik Siswa yang dilatih oleh Penasihat Program, Puan Noor Maslian Othman dengan teknik-teknik untuk mengajar dengan lebih berkesan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid berkata, "Program ini menekankan idea penggunaan pembelajaran santai daripada sahabat kepada sahabat melalui Sukarelawan Akademik Siswa dan para peserta juga lebih mudah untuk memahami dan mempelajari melalui kaedah ini. Selain turut mewujudkan budaya mahasiswa-mahasiswi yang cakna dengan membantu rakan seperjuangan".












# Peering Outreach Programme (P.O.P)

## Perkenal Budaya Malaysia kepada Mahasiswa/I Antarabangsa

Seramai 30 Mahasiswa/I Antarabangsa dan Mobiliti UTeM menyertai Peering Outreach Programme (P.O.P) di Homestay Air Manis, Sabak Bernam, Selangor pada 21 hingga 23 April lalu. Program yang dianjurkan oleh Exco Antarabangsa dan Korporat, Majlis Perwakilan Pelajar UTeM 16/17 ini juga adalah hasil kerjasama Bahagian Institut Pengajian Tinggi Negeri Melaka, Jabatan Ketua Menteri Melaka Pejabat Antarabangsa UTeM dan UTeM Global Society.

Para mahasiswa/I yang berasal dari Indonesia, Iraq, Yamen, Palestin, Afganistan, Egypt dan German itu begitu teruja mengikuti program yang memberi pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa/i antarabangsa dan mobiliti untuk mengenali budaya dan etnik di Malaysia sekaligus menyatu padukan antarabangsa, mahasiswa/i mobilti dan mahasiswa/i tempatan

Program yang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Sabak Bernam YB Datuk Haji Mohd Fasiah Bin Mohd Fakeh itu juga menyaksikan pelbagai aktiviti dijalankan seperti mengeragau ikan, bermain layang-layang, bermain kayak, melihat kelip-kelip, menganyam ketupat, malam kebudayaan, demonstrasi perkahwinan melayu, belajar bermain kompang, aktiviti sukarelwanan dan melawat kilang beras

Peering Outreach Programme (P.O.P) ini mampu menjadi salah satu cara untuk melahirkan mahasiswa/i antarabangsa yang seimbang dari segi akademik dan aktiviti luar sebagai nilai tambah di samping turut memperkenalkan UTeM dalam kalangan masyarakat Malaysia.












# UTeM Career Fair 2017

## Wujudkan Peluang Pekerjaan

Melaka – Seramai 2000 pengunjung termasuk daripada Universiti Awam (UA) dan IPTS sekitar Melaka telah mengunjungi Karnival Kerjaya 2017 yang dianjurkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bertempat di Dewan Besar UTeM baru-baru ini.

Karnival yang julung-julung kali diadakan itu telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UTeM, Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid. Pengarah Karnival Kerjaya 2017, Ibrahim Soliman merupakan Exco Inovasi dan Kerjaya (MPP) berkata, tujuan utama karnival ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa bagaimana menghadapi suasana sesi temuduga serta memberi peluang untuk mendapatkan tempat di Industri bagi tujuan Latihan Industri serta peluang pekerjaan.

Terdapat sebanyak 36 buah syarikat daripada pelbagai agensi telah hadir bersama-sama menjayakan karnival yang berlangsung selama 2 hari termasuklah Syarikat Penerbangan Air Asia, Samsung, Great Eastern, Panasonic dan Honda serta banyak lagi.





















# Perkampungan Intelektual Kepimpinan Sekretariat PERSADA

Program Perkampungan Intelektual merupakan program anjuran Seksyen Penerangan dan Inovasi Seranta FELDA, Jabatan Perdana Menteri yang telah berlangsung selama empat (4) hari tiga (3) malam di D' Pulau Tibang Camp & Chalet Ulu Slim, Perak. PERSADA UTeM telah menghantar seramai 3 orang peserta bagi mengikuti beberapa sesi ceramah mengenai Transformasi Negara 2050 yang lebih dikenali sebagai TN50. Pada hari pertama peserta diberi taklimat oleh Penolong Pengarah Syeksen Penerangan & Inovasi iaitu Encik Azrel Izad b. Mohamed Nordin dan pada sesi malam pula peserta diberi pendekatan untuk santai dan sesi suai kenal.

Pada hari kedua pula, peserta telah mendapat suntikan motivasi yang telah disampaikan oleh Tan Sri Dr. Ibrahim Shah Abu Shah, Pengerusi Yayasan Minda dan juga Dato' Haji Mohamad Khairudin b. Haji Mohamad. Peserta telah menjalankan aktiviti berkumpulan pada waktu tengah hari hingga petang iaitu sesi bagi pembentukan kerjasama melalui Team Building. Pada waktu malam, peserta mendapat pendedahan yang jelas mengenai objektif TN50 serta sumbangan mahasiswa dalam mencapai gagasan tersebut. Ceramah telah disampaikan oleh Mohd Faizal bin Yunus, Sekretariat TN50 Kementerian Belia dan Sukan serta Muhammad Khairul Amir bin Fadzalih, Government Relation Department IM4U.

Pada hari ketiga, peserta telah menyertai aktiviti "Explorace: Bakti Budi Dituai" yang dijalankan di sekitar Perkampungan Orang Asli Kampung Ulu Slim. Peserta telah dibahagikan tugas untuk melakukan aktiviti kemasyarakatan di kawasan tersebut. Pada hari terakhir, peserta telah diberi taklimat mengenai peranan utama mahasiswa dalam mencapai agenda negara. Majlis penutup telah dijayakan dengan kehadiran Y.B Dato' Mohd Khusairi bin Abdul Talib, Adun Slim merangkap Ahli Lembaga Pengarah FELDA.

UTeM







# BENGKEL TARIAN DONDANG SAYANG MAKUM 2017

Bengkel Tarian Dondang Sayang Makum 2017 anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM (HEP) serta Kelab Seni Warisan (KASAWARI) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Melaka (JKKN) secara tidak langsung meningkatkan lagi minat pelajar dalam seni warisan tarian dondang sayang. Justeru itu, penganjuran bengkel yang berlangsung pada 24 sehingga 26 Mac 2017di JKKN Negeri Melaka ini menjadi salah satu usaha agar seni warisan berkenaan akan terus dipelihara oleh generasi muda masa kini dan terus kekal malar segar untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Tarian dondang sayang adalah tarian berunsurkan joget inang mengiringi nyanyian dondang sayang dan komposisi muzik dondang sayang hasil garapan alat muzik seperti biola, rebana, gong atau tetawak, gendang dan akordion. Muzik dan nyanyian tradisional Melayu berbentuk pantun yang terkenal bagi masyarakat Melaka. Kombinasi irama dondang sayang dan tarian dondang sayang mewarnai seni warisan tradisional negara ini.

Bengkel yang penuh dengan pengisian bermakna itu disertai oleh 8 buah Universiti Awam (UA) termasuk UTeM, UMK, UITM Jasin, UPM, UPNM, UITM Shah Alam, UNIMAP dan UKM. Majlis Perasmian Penutup bengkel yang disempurnakan oleh Pengarah Pusat Kebudayaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merangkap Sekretariat MAKUM En. Nurfaizal Fariz Sahdan berlangsung meriah dengan persembahan para peserta hasil ilmu dan latihan yang dijalankan sepanjang bengkel dan diserikan dengan persembahan istimewa Kumpulan Dondang Sayang Kenangan Mawar Biru yang diterajui oleh Pak Baharim.

Ternyata bengkel seumpama ini perlu diteruskan pada masa akan datang demi mengekalkan kesenian tradisional negara kepada generasi muda sekali gus mempertahankannya daripada pupus.



# SUKAN ANTARA KOLEJ KEDIAMAN







Program Sukan Antara Kolej Kediaman adalah program yang berunsur kesukanan. Tujuan program ini dibuat adalah untuk merapatkan ukhwah dan sifat berdaya saing dengan baik sesama pelajar antara kolej. Program ini berjalan dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Progam ini dihadiri oleh peserta-peserta dari berlainan kolej dan bertanding di pelbagai tempat mengikut acara yang dipertandingkan. Program ini mendapat sambutan yang baik dari kalangan pelajar. Program sebegini harus diteruskan untuk memeriahkan suasana hujung minggu pelajar dan menjadikann ia sebagai program tahunan yang boleh disertai oleh semua pelajar UTeM mahupun pelajar yang tidak tinggal di kolej kediaman UTeM.

# Bengkel Monolog & Persembahan Koloboratif Antara UTeM Dan USM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM







Bengkel ini dianjurkan bagi menarik minat generasi muda dalam kesusasteraan Melayu, di samping melatih para peserta untu menjiwai monolog yang dipersembahkan. Delegasi UTeM yang terdiri daripada 6 pelajar dari pelbagai fakulti yang terdapat di UTeM.

Melalui bengkel tersebut, pelajar UTeM telah bergabung dengan beberapa ahli atau pelajar Drama Universiti Sains Malaysia (USM) dan bidang tarian. Para peserta telah dibimbing bersama ahli Andikarma USM dan diajar teknik untuk menghasilkan karya yang kreatif serta penghayatan bermonolog di Dewan Serbaguna, USM. Pada masa yang sama, para peserta juga mendapat pendedahan serba sedikit tentang ilmu pengarahan.

Penceramah memberi pelbagai contoh dan pengajaran tentang perbezaan antara menghafal dan menjiwai watak sesuatu monolog yang ingin disampaikan. Kaedah yang digunakan dalam perkongsian ilmu berkenaan adalah amat menarik dari aspek penyampaian ilmu melalui pengasahan jiwa dan mental. Selain itu, para peserta juga telah merapatkan keakraban antara pelajar-pelajar seni USM dalam pelbagai aktiviti.





# Pesta Ponggal 2017 (PesPo 1.0)

Pesta Ponggal 2017(PesPo 1.0) anjuran Kelab Kebudayaan India UTeM berlangsung dengan penuh kemeriahan pada 2 hingga 4 Mac 2017 di Dewan Pusat Sukan, UTeM. PesPo 1.0 menerima kunjungan warga UTeM dan masyarakat luar untuk menyertai pelbagai pengisian program yang dijalankan.

Antaranya ialah Bazaar, pameran Kolam yang dibentuk menggunakan 12000 unit pelita tanah liat, aktiviti memasak ponggal, persembahan nyanyian serta tarian, pameran kereta Titanz dan kempen menderma darah dengan kerjasama pihak Hospital Melaka yang berjaya memperoleh 100 penderma yang terdiri daripada para pelajar dan kakitangan UTeM.

Pespo 1.0 yang melibatkan kerjasama seramai 102 tenaga Ahli Jawatankuasa itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah diiringi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Y.Bhg Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid, Prof. Madya Dr T Joseph Sahaya Anand, Penasihat PesPo 1.0, Dr. Indra Devi M.Subramaniam serta Pegawai Kebudayaan HEP, En. Amir Ali.

YB Datuk Wira Dr. Abu Bakar berkata, "Penganjuran program seumpama ini harus diteruskan sejajar dengan kepelbagaian budaya dan kaum di Malaysia seterusnya mendidik sifat kepimpinan dalam diri para mahasiswa."

YB Datuk Wira Dr. Abu Bakar juga memberi kata-kata semangat kepada para mahasiswa dan pihak universiti yang telah mengambil inisiatif dan memberi komitmen dengan bersungguh-sungguh bagi menjayakan program seperti ini pada masa akan datang.

UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# SEMAI BAKTI PERSADA TINGKAT MOTIVASI MAHASISWA




Program Semai Bakti PERSADA UTeM merupakan program motivasi bertemakan Khalifah iaitu kepimpinan. Program ini telah berjaya melibatkan 11 orang fasilitator daripada PERSADA UTeM dan 66 orang murid Tahun 6 serta telah bekerjasama dengan Guru Besar sekolah iaitu Yang Mulia Tengku Nazuen B. Tengku Ibrahim serta Guru Penyelaras iaitu Encik Mazli Bin Masran.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah LDK 1. Aktiviti ini telah menerapkan pemikiran kritis kepada peserta untuk memikirkan idea bagi identiti kumpulan dan mencipta logo. LDK 2 pula dilaksanakan untuk mencapai cita-cita yang ditulis oleh peserta sehingga melepasi target yang ditetapkan. LDK 3 merupakan aktiviti yang mampu menjana idea dan kreativiti peserta serta keberanian membentangkan idea di khalayak ramai.

LDK 4 pula merupakan aktiviti yang memupuk kerjasama peserta dalam kumpulan supaya dapat membentuk bulatan daripada cantuman titik. Aktiviti terakhir pula melibat ketahanan fizikal dan mental yang dilakukan diluar dewan iaitu pelajar dikehendaki menutup mata dan melepasi empat tugasan. Majlis penutup dan penyampaian hadiah serta sijil penghargaan pula telah dihadiri oleh Guru Besar sekolah dan Guru Penyelaras Tahun 6.




# Program Manisnya Menjadi Remaja Siri 1/2017




11 Mac 2017 - Unit Bimbingan dan Kaunseling Pelajar dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri Melaka (LPPKN) telah menganjurkan Program Manisnya Menjadi Remaja Siri 1/2017 bertempat di Auditorium Pusat Pengajian Siswazah, UTeM. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan kesihatan reproduktif sosial remaja.

Program ini terbahagi kepada 2 slot termasuklah ceramah yang telah di sampaikan oleh Puan Asmah Binti Ahmad Azrai dari Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negeri Melaka (LPPKN) yang bertajuk Kesihatan Reproduktif dan Seksualiti. Penceramah telah menyampaikan penerangan berkenaan seks bebas, seks rambang, tanggungjawab seksual, tanda dan gejala penyakit jangkitan seksual. Selain itu juga, peserta diberi pendedahan berkenaan dengan kesan STDS penyakit jangkitan seksual merupakan penyakit berjangkit hasil daripada perhubungan seksual.

Slot 2 adalah ceramah yang bertajuk Mahasiswa Dan Cinta yang telah di sampaikan oleh Cik Nur 'Asyikin Binti Ismail dari Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negeri Melaka (LPPKN). Terdapat 3 elemen asas kepada perhubungan yang berjaya iaitu komunikasi, menjalinkan perhubungan dan perancangan. Terdapat lima langkah kemahiran teknik penangguhan antaranya membuat pernyataan penangguhan,ambil tindakan penangguhan, membina ruang, hentikan situasi dengan segera dan membina hubungan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# SRM BONDING CAMP PUPUK SEMANGAT KEPIMPINAN










Pada 8 April 2017 sehingga 9 April 2017, Kelab Sekretariat Rakan Muda(SRM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan Program SRM Bonding Camp yang bertempat di Lata Medang Kuala Kubu Baru, Selangor selama 2 hari 1 malam. Program ini telah disertai oleh pimpinan ahli Kelab Sekretariat Rakan Muda (SRM) yang terdiri daripada Majlis Tertinggi(MT) dan Exco.

Program yang dijalankan selama dua hari satu malam ini bertujuan untuk memupuk kesepaduan dalam kalangan ahli SRM khususnya bakal kepimpinan kelab yang akan menjadi pelapis dalam menerajui kepimpinan pada masa akan datang. Selain itu, program ini diadakan bagi memberikan pendekatan kepada peserta dalam memahami erti kepimpinan dalam pelbagai situasi yang memerlukan kemahiran dan semangat berpasukan di samping mengeratkan lagi hubungan dalam kalangan peserta.

Objektif program diadakan adalah untuk lebih memahami cara penguasaan organisasi yang efisien dan efektif melalui kerja berpasukan yang dijalankan. Selain itu, motivasi untuk mencapai matlamat yang cemerlang dalam organisasi serta mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli SRM. Di samping itu juga, dapat merehatkan minda peserta dengan menikmati alam semula jadi yang menenangkan sambil memupuk rasa cinta kepada alam dalam diri peserta.

Diharap dengan adanya program sebegini dapat melatih kemahiran memimpin dalam kalangan ahli Kelab SRM bagi mencapai visi, misi dan objektif persatuan. Selain itu meningkatkan sifat kepimpinan yang tinggi ketika menjadi ketua dalam kumpulan kecil mahupun kumpulan besar. Di samping itu juga membolehkan dan melatih setiap peserta dalam berkomunikasi serta berlajar kemahiran hidup yang tidak diperolehi sewaktu kuliah. Akhir sekali, program ini dapat meningkatkan prestasi diri dan melatih peserta untuk jadi kental dalam menghadapi atau menyelesaikan sesuatu masalah dan juga meningkatkan ilmu pengetahuan yang sedia ada untuk melaksanakan tanggungjawab yang digalas dengan sebaiknya.

## Mahasiswa UTeM
# Ikuti Program Reach Out & Convention Celebration Anjuran IM4U








Program Reach Out anjuran IM4U yang berlangsung di Politeknik Merlimau lebih memberi penekanan mengenai konsep motivasi kepada peserta untuk lebih berjaya. Antara aspek yang diketengahkan adalah konsep sukarelawan, pengurusan masa yang efisen dan cabaran yang perlu ditempuhi dalam melakukan sesuatu. Ceramah motivasi disampaikan oleh empat (4) orang penceramah yang mempunyai pengalaman dalam bidang masing-masing. Sesi ceramah dimulakan dengan ceramah dari Raviraj dan Aishah iaitu Pengasas kepada Project Try, diikuti dengan sesi perkongsian bersama Anita Yusof iaitu penunggang pertama yang mengelilingi dunia dengan motosikal, dan Datuk Jake Abdullah CEO Radio Astro. Sesi ceramah yang berlangsung juga turut diselangi dengan persembahan daripada artis-artis terkenal tanah air seperti Syamel, Ernie Zakri, Pitahati dan juga Masdo.

Kesimpulannya, program yang dijalankan adalah sangat efektif dan memberikan pendedahan kepada pelajar untuk memotivasikan diri dalam melakukan sesuatu perkara. Konsep motivasi sambal berhibur yang diterapkan ke dalam program memberi kesan yang sangat positif kepada peserta untuk lebih memahami kandungan ceramah tanpa rasa bosan. Program yang dijalankan oleh IM4U ini turut memberi tanggapan bahawa Dasar Pembangunan Belia Negara adalah panduan yang dapat memberi peluang dan ruang kepada semua pihak dalam merancang dan melaksanakan program untuk memperkasakan pembangunan belia.

## PROGRAM BANTUAN SUKARELAWAN BAGI KERJA-KERJA
# PERMULAAN TANAMAN CILI SECARA FERTIGASI BANTU MAHASISWA UTeM

Program Bantuan Sukarelawan bagi kerja-kerja permulaan tanaman cili secara fertigasi merupakan program yang dirancang oleh kelab MYAGROSIS UTeM dalam usaha memberi pendedahan dan pengenalan agro bisnes kepada para mahasiswa dan mahasiswi Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Program ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan khidmat nasihat dalam bidang tanaman cili secara fertigasi.

Tapak tanaman fertigasi berada pada peringkat penyediaan medium tanaman iaitu memasukkan sabut kelapa ke poli bag. Staf universiti telah bekerjasama dalam menyiapkan tapak memandangkan tenaga mahasiswa/i tidak mencukupi dan kekangan masa mahasiswa/i untuk membantu di tapak. Walau demikian, masih terdapat mahasiswa/i yang secara sukarela datang ke tapak bagi membantu kerja – kerja meletakkan medium ke dalam poli bag.

Para mahasiswa dan mahasiswi juga telah diberikan taklimat ringkas sebelum mereka diberi sebarang tugasan. Mereka juga telah diberikan tunjuk ajar dan penerangan yang lengkap mengenai tanaman fertigasi. Mahasiswa/i yang telah menjadi sukarelawan untuk program ini juga telah dapat menyiapkan jumlah poli bag yang mempunyai medium tanaman yang mencukupi. Pengalaman dan pengetahuan yang baru mereka perolehi dapat memberikan satu impak positif kepada pelajar dengan mengetahui serba sedikit mengenai agro bisnes. Program bermula pada 8 pagi dan berakhir pada jam 5 petang. Aktiviti sepanjang program telah dijalankan dengan lancar.







UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA








UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM

## Mahasiswa Generasi Felda Menerima

# PENERANGAN MENGENAI IDEA PERTANDINGAN GAPROF

Pada 1 Mac 2017, sebuah program iaitu penerangan mengenai idea pertandingan GAPROF kepada generasi FELDA telah diadakan dan bertempat di Bilik Aktiviti Pelajar, Pusat Persatuan Pelajar, UTeM. Program yang bertujuan memberi penerangan secara terperinci mengenai syarat dan terma pertandingan idea perniagaan GAPROF kepada peserta yang berminat telah berjalan dengan lancar. Perjalanan pertandingan secara menyeluruh juga diterangkan kepada peserta-peserta program.

Terdapat pengisian mengenai idea dan perkongsian pengalaman dari penceramah yang hadir iaitu Dato' Amran Mohamad selaku Pengarah Urusan Geostrength Sdn. Bhd. Beliau juga hadir sebagai mentor yang bakal membimbing peserta-peserta yang akan menyertai pertandingan idea perniagaan GAPROF yang bakal bermula pada 17 Mac 2017. Majlis penutup diakhiri dengan penyampaian cenderahati yang disampaikan oleh En. Fairul Haziq bin Mohd Aris, Pegawai Hal Ehwal Pelajar kepada Dato' Amran Mohamad selaku Pengarah Urusan Geostrength Sdn. Bhd. dan kepada En. Mohd Ismail Masri selaku Ketua Pegawai Operasi Gabungan Wawasan Generasi FELDA (GWGF) merangkap Sekretariat Kluster Ekonomi dan Keusahawanan GAPROF. Seterusnya, tetamu jemputan dan peserta yang hadir dihidangkan dengan minum petang sebelum bersurai.


YB Dato' Seri
MENTERI PE
SOARING UPWARDS
PESTA KONVO 16
Hadiah Terindah
Tan Sri Datuk Dr. Hadenan bin A. Jalil
SYEN
PESTA KONVOK
KONVOK
SUNGAI MELAKA INTERNATIONAL FESTIVAL 2016


#HEPUTeM
UTeM
OUTBOUND LEADERSHIP PROGRAMME 2017
@ SEOUL, KOREA
6-10 Feb 2017
11747
05005
05006
Siswa Bersama Komuniti
HARI MALAYSIA
24 September 2016 (Sabtu)
UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PRS UTeM ANJUR PROGRAM STRIVE FOR HEALTHY MIND







Pada 12 Mac 2017, Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UTeM telah menganjurkan satu program STRIVE FOR HEALTHY MIND bertempat di Pantai Puteri, Melaka. Program ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang sihat dari aspek mental dan fizikal disamping dapat berkongsi ilmu dan idea antara satu sama lain. Selain itu, ia bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan kesejahteraan mental dan kesihatan emosi pelajar dalam menyelesaikan masalah.

Seramai 54 orang peserta yang terdiri daripada ahli PRS dan juga pelajar UTeM serta 2 orang pelajar antarabangsa terlibat di dalam program ini. Aktiviti dimulakan pada jam 8.30 pagi dengan aktiviti senamrobik dan sedikit refreshment yang diketuai oleh AJK pengisian. Kemudian, aktiviti disambung dengan "*ice breaking*" bersama peserta dan diteruskan dengan LDK 1 (*one team one dream*), LDK 2 (*Mini Race*) dan Perang Minda & "*Let Keep Our Beach Clean*".

Majlis penutup telah disempurnakan oleh pengarah program *STRIVE FOR HEALTHY MIND* iaitu saudari Fifi Atirah Binti Johari dan diteruskan dengan sesi penyampaian hadiah.

# Mahasiswa UTeM Ikuti Karnival YOUNGPRENEURS GO












Pada 24 dan 25 Februari 2017, sebuah karnival anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang berbentuk program perkongsian ilmu perniagaan kepada golongan muda telah diadakan dan bertempat di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Karnival yang bertujuan memberi ilmu kepada peserta telah menampilkan beberapa usahawan dan selebriti seperti Elfira Loy, Fizo Omar, Hisham Salleh dan Talib yang telah berjaya dalam perniagaan mereka. Para peserta didedahkan dengan isian ilmu yang mampat dan padat.

Program berjalan lancar dengan pengisian padat daripada para usahawan dan selebriti jemputan seperti Elfira Loy, Hisham Salleh, Fizo Omar dan ramai lagi yang hadir untuk berkongsi ilmu dan pengalaman tentang perniagaan atas talian. Terdapat pengisian mengenai cukai daripada wakil Lembaga Hasil Dalam Negeri yang membantu para peserta untuk lebih memahami kebaikan membayar cukai. Perkongsian pengalaman oleh salah seorang usahawan muda yang merupakan pengasas Anaqah Exclusive, Atikah Arshad juga dapat menambah dan memantapkan kemahiran berkaitan perniagaan kerana kebanyakan peserta sudah memiliki perniagaan sendiri. Majlis penutup dirasmikan oleh Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail diiringi oleh Naib Canselor UniMAP YBhg. Dato' Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Menteri Besar Perlis, YAB Dato' Seri Azlan bin Man dan Timbalan Menteri KPDNKK, YB Dato' Henry Sum Agong.

# ATLET UTeM
## *Raih Pengalaman Berharga*

Nilai; Buat julung – julung kalinya Kementerian Pengajian Tinggi melalui Pusat Sukan Tumpuan Lawan Pedang KPT Nilai University telah menganjurkan Asean University Fencing Championship 2017 buat kali pertama di Nilai University pada 8 – 12 Mac 2017.

Kejohanan ini telah disertai oleh 6 negara iaitu Malaysia, Singapura, Thailand, Brunei, Filipina dan Kemboja. Sabanyak 3 acara dipertandingkan iaitu Sabre, Foil dan Epee dalam 2 kategori iaitu Lelaki & Wanita

UTeM telah menyertai kejohanan ini dengan menghantar seorang atlet dalam kejohanan ini. Penyertaan dalam acara sabre menyaksikan atlet UTeM terkandas di peringkat suku akhir di tangan atlet Kasetrat University Thailand dengan mata 13 – 15. Walaupun nyaris membuat kejutan untuk layak ke peringkat separuh akhir ternyata aspek pengalaman membezakan untuk penentuan kemenangan.

Hasil dari penyertaan kejohanan ini atlet UTeM akan menggandakan latihan dan usaha demi mencapai sasaran mencapai pingat di Kejohanan SUKIPT 2018





# *KURSUS*
# ETIKA DAN PENGURUSAN INTEGRITI KOR SUKSIS TAHUN 2017

Pada 10 hingga 16 Januari 2017, pihak Kor Suksis UTeM Melaka telah mengadakan Kursus Etika dan Pengurusan Integriti Kor Suksis Tahun 2017 bertempat di Unit Udara, Pengkalan Udara Polis Diraja Malaysia, Ipoh, Perak. Kursus ini bermatlamat mencungkil bakat serta menguji ketahanan mental dan fizikal peserta melalui aktiviti, mencorak peserta menjadi lebih kreatif, inovatif dan berdaya saing, melatih anggota kor suksis mengelola sesebuah program dan menjadi insan yang berkualiti tinggi dan cekap.

Kursus ini telah melatih anggota kor suksis UTeM agar mempunyai semangat kerja berpasukan dan berdisiplin dengan mematuhi etika, nilai serta norma dalam berkomunikasi.

Selain itu juga, kursus ini juga menjadi platform bagi anggota kor suksis utem untuk membuat anjakan paradigma ke arah menjadi individu yang lebih positif. Majlis penutup telah disempurnakan oleh YDH. ACP Zulkifli bin Che Wail, Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, IPK Melaka.









UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# KURSUS PASUKAN GERAKAN AM SUKSIS TAHUN 2017

## *Latih Fizikal Mahasiswa*

Kursus Pasukan Gerakan Am Suksis Tahun 2017 telah diadakan pada 17-21 Januari 2017 bertempat di Pusat Latihan Polis Gerakan Am, Ulu Kinta, Perak. Kursus ini melibatkan seramai 135 orang anggota Kor Suksis yang terdiri daripada mahasiswa UTeM.

Kursus ini bermatlamat melatih dan memantapkan anggota kor suksis dengan latihan fizikal dan ilmu-ilmu kepolisan di dalam pasukan gerakan am, memberi pendedahan ilmu dan cabaran sebenar, membentuk disiplin dan jati diri dari segi mental dan mampu bersedia berhadapan dengan apa jua keadaan yang lebih mencabar. Majlis penutup telah di sempurnakan oleh YDH. Supt. Wooi Kooi Cheang, Timbalan Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, IPK Melaka.







# Memanah Jalinkan Persahabatan Antara UTeM dan UMP

Penyertaan perlawanan persahabat antara UTeM dan UMP yang diadakan di Padang Memanah, Pusat Sukan UMP ini banyak memberi pengalaman serta pendedahan kepada atlet memanah UTeM dalam mempersiapkan pasukan ke kejohanan MASUM 2017. Atlet yang terlibat dalam perlawanan persahabatan kali ini seramai 3 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Kategori yang diadakan adalah 30 meter individu, 30m berpasukan lelaki dan 30m berpasukan wanita.













# Fruity Fiesta

Kelab MYAGROSIS bersama Kelab Keusahawanan UTeM telah menganjurkan satu program iaitu Fruity Fiesta yang bertempat di Pusat Persatuan Pelajar, UTeM Kampus Induk, Melaka baru-baru ini. Menurut Penolong Pendaftar Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) UTeM, Fairul Haziq Mohd Aris, program ini berkonsepkan buah-buahan tempatan yang diusahakan oleh Seramai 18 orang jawatankuasa daripada kedua-dua kelab bertungkus lumus bagi menyaksikan program selama tiga hari ini berjaya dan berjalan lancar. Kumpulan sasaran kami yang utama merupakan semua warga UTeM termasuklah pelajar-pelajar serta staf-staf. Tambahan lagi, program ini merupakan salah satu program terbesar yang telah dijalankan sepanjang semester ini". katanya.

Pada hari pertama, sebanyak 5 buah food truck serta 14 buah khemah peniaga luar dan pelajar UTeM bersiap sedia untuk memulakan jualan mereka. Semua yang terlibat ditempatkan di sebelah kanan Pusat Persatuan Pelajar. Hari pertama Fruity Fiesta ini dimeriahkan lagi dengan adanya program daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknoushawan (FPTT). Mereka juga menjalankan program jualan mereka pada hari tersebut. Hal ini telah menyebabkan ramai pengunjung datang ke tapak jualan. Pada petang itu pula, dua aktiviti iaitu makan paling cepat dan kupas kulit buah telah dijalankan.

Seterusnya, pada 19 dan 20 April, program berjalan seperti biasa. Terdapat persembahan band serta pelbagai aktiviti lain seperti radio rosak dilakukan bagi menarik pelajar-pelajar menyertai kami. Sebanyak 12 hamper telah disediakan untuk para pemenang yang berjaya didalam aktiviti-aktiviti tersebut. Pada hari terakhir itu juga, aktiviti makan buah secara percuma telah dijalankan bagi mendedahkan pelajar untuk makan buah-buahan. Disamping itu, ia dapat mendekatkan para pelajar dengan penganjur.

# IFTAR
## Anjuran PMaSS UTeM Meriah





MELAKA:Program Iftar bersama Persatuan Mahasiswa/I Anak Sabah dan Sarawak ( PMaSS) yang dianjurkan oleh para pelajar dari Sabah dan Sarawak telah mewujudkan suatu ikatan yang kuat bukan sahaja antara pelajar Borneo(Sabah dan Sarawak), namun pelajar Semenanjung Malaysia juga.

Pada 29 Mei 2017 yang bersamaan 4 Ramadan 1438, telah berlangsungya Program Iftar yang bermula pada pukul 7:15 petang telah dihadiri oleh Majlis tertinggi dan exco-exco Pmass serta 80 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, baikpun muslim dan bukan muslim, daripada Sabah, Sarawak, dan juga pelajar dari Semenanjung Malaysia yang tidak berpeluang untuk balik ketempat masing-masing untuk memeriahkan lagi program ini. Program ini juga dihadiri oleh penasihat pmass sendiri iaitu Encik Ahmad Fadzil bin Mohamad dari Unit Kepimpinan dan aktiviti pelajar, yang selama ini telah memberi sokongan padu kepada kelab ini.

Program ini julung kalinya dianjurkan oleh PMaSS telah berjaya mengeratkan silaturahim antara Sabah dan Sarawak tetapi juga Semenanjung Malaysia tidak mengira agama mahupun bangsa. Program ini malahan dapat mewujudkan sikap saling hormat-menghormati, berdikari dan saling bekerjasama antara satu sama yang lain.

Program sedemikian sewajarnya dianjurkan berkala agar Persatuan mahasiswa/I Sabah dan Sarawak semakin dikenali di Universiti Teknikal Malaysia,Melaka (UTeM) dan mampu meningkatkan potensi anak-anak Sabah dan Sarawak selain bersatu serta suatu hubungan dinamin tanpa ada rasa segan dan rendah diri seperti slogan PMaSS, iaitu "Unity Through Diversity".

## Pertandingan
# Rentak Bitara Makum 2017

**13 Mei 2017, Tanjung Malim** – Universiti Pergurusan Sultan Idris (UPSI) telah menganjurkan Pertandingan Rentak Bitara MAKUM 2017 bertempat di Dewan SITC, UPSI. Pertandingan tersebut terbuka kepada Universiti Awam(UA) seluruh Malaysia.

Konsep pertandingan pada kali ini ialah "mashup battle" dimana satu lagu dari albun P. Ramlee diadunkan dengan lagu irama Malaysia dan setiap UA dikehendaki menghantar rakaman video persembahan kumpulan muzik masing-masing dan pemilihan ke peringkat akhir dibuat berdasarkan video tersebut. Kumpulan ***TECHrythm*** UTeM yang terdiri daripada enam orang pelajar baharu berjaya ke peringkat akhir.



# UTeM - Lead
## Uji Ketahanan Mental Pemimpin Pelajar












**10-12 Mac 2017** – Unit Kepimpinan dan Aktiviti Pelajar, HEP UTeM telah berjaya menganjurkan Program Kepimpinan dan Pembangunan Mahasiswa (UTeM-Lead) bertempat di Port Dickson Golf Country Club, Negeri Sembilan. Program ini telad disertai 70 orang pelajar yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin pelajar termasuklah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta Presiden-presiden Kelab.

Program selama tiga hari dua malam ini telah dikendalikan oleh Perunding Azami Entertainment. Objektif program ini bertujuan menerapkan aspek konseptual pembangunan pelajar secara holistik dari segi kepimpinan, keusahawanan, kesukarelawanan, khidmat komuniti di samping menggalakkan para peserta semangat kerja berpasukan di kalangan pemimpin pelajar. Antara aktiviti yang telah dijalankan termasuklah Jungle Tracking, Orienteering, Water Confident, Rafting dan Persembahan Kumpulan.

Kesimpulannya, program ini dikatakan telah mencapai matlamat dan objektif serta mendapat komen yang positif daripada para peserta yang mahukan program seperti ini perlu diteruskan.





# UTeM Prihatin Kebajikan Mahasiswa

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyampaikan bantuan kepada keluarga mangsa kebakaran yang juga merupakan seorang pelajar tahun 2, Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK), UTeM di Kampung Tanjung Kapur, Kudat Sabah baru-baru ini.

Dalam kejadian itu, beberapa lagi rumah yang turut terlibat dalam kebakaran turut musnah sama sekali. Timbalan Pendaftar Kanan (Pejabat Hal Ehwal Pelajar) UTeM, Zainudin Ahmad berkata, sumbangan berbentuk kewangan adalah hasil kutipan derma semua warga UTeM selain mendapat bantuan khas daripada Unit Kebajikan Pelajar, Pejabat HEP UTeM. Pihak keluarga mangsa turut mengucapkan terima kasih kepada pihak UTeM di atas keprihatinan menjaga kebajikan pelajar di samping dapat meringankan beban keluarga.

Sumbangan disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Izaidin Abdul Majid yang turut dihadiri Timbalan Pendaftar Kanan, HEP Zainudin Ahmad.

IMBASAN 2016







# BASTEK UTeM Terapkan Elemen Kemasyarakatan

Seramai 70 orang mahasiswa UTeM telah memperolehi kenangan manis melalui penganjuran Program Bakti Siswa Teknikal (BASTEK) di Jerteh, Terengganu. Program anjuran MPP UTeM ini bertujuan untuk memupuk rasa sayang atau keinginan kepada mahasiswa untuk mendekati masyarakat melalui konsep keluarga angkat selain mempromosi aliran teknikal kepada warga penduduk. Seramai 35 keluarga dari 5 buah kampung terlibat iaitu Kg Alor Saji, Kg Lay Out Gerai, Kg Bukit Kenak, Kg Gerai dan Kg Pak Wong yang ditunjangi hebat oleh JKKK masing-masing. Menariknya, program ini turut dikunjungi Menteri Pendidikan Tinggi Dato' Seri Idris Jusoh semasa berada di Desa Ukiran Kayu Kampung Raja. Para peserta yang hadir tidak melepaskan peluang bertemu dan bermesra dengan beliau sepanjang kunjungan tersebut. Dato' Seri sempat memberi kata-kata semangat dan nasihat buat mahasiswa-mahasiswi UTeM. Dalam pada itu, Setiausaha Politik Pejabat Kementerian Pendidikan Tinggi Datuk Haji Halim Bin Jusoh turut melahirkan rasa teruja dengan pendekatan perkongsian ilmu teknikal dan inovasi oleh mahasiswa-mahasiswi UTeM di sekolah-sekolah sekitar daerah Besut.






Mengasah bakat atau *soft skill* mahasiswa dalam menguruskan sesebuah organisasi, berkomunikasi dan keberanian untuk berdepan dengan masyarakat merupakan antara objektif utama program Buddies Bond Days yang dijalankan pada 8 hingga 9 Mac yang lalu.

Program ini menggabungkan semua mahasiswa melalui platform kelab persatuan dan sukan untuk mempromosikan kelab serta mencari ahli-ahli kelab supaya semua kelab dan persatuan dapat bergerak selari dengan rentak semasa dan memberi gambaran awal kepada mahasiswa/i mengenai bagaimana kelab-kelab dan persatuan berfungsi dan bagaimana untuk mengerakkan kelab-kelab dan persatuan yang ada sekali gus kelab-kelab dan persatuan dapat mencari ahli-ahli yang baru.

Selain itu, program 'Buddies Bonding Days' ini akan mengasah bakat atau *softskill* mahasiswa dalam menguruskan sesebuah organisasi, berkomunikasi dan keberanian untuk berdepan dengan masyarakat. Di samping itu, program sebegini meningkatkan lagi keyakinan diri mahasiswa dalam bidang kepimpinan dan menyahut cabaran negara dalam menzahirkan pemimpin bertaraf dunia

Sehubungan dengan itu, tanpa kita sedari juga dapat menzahirkan mahasiswa yang kreatif, inovatif dan proaktif dalam usaha memberi nilai positif kepada potensi diri serta meningkatkan *softskill* bagi setiap individu yang terlibat dan sekali gus menanam dan memupuk kesedaran secara mendalam kepada orang ramai khususnya para mahasiswa UTeM terhadap nilai-nilai murni seperti bertoleransi, tolong menolong dan merendah diri supaya masyarakat yang harmoni dapat diwujudkan

Program ini berjalan dengan lancar selama dua hari di Pusat Persatuan Pelajar dan mendapat sambutan yang baik oleh mahasiswa yang hadir dan turut juga komen yang positif oleh wakil kelab-kelab persatuan kerana telah memberi dan membuka peluang untuk mereka mengembangkan kelab yang telah mereka usahakan selama ini.

# BUDDIES BOND DAYS

Turut diadakan juga pada hari kedua iaitu pemberian makanan percuma pada waktu makan tengahari sebanyak 400 unit kepada mahasiswa yang hadir. Sambutan yang sangat menggalakkan dari pihak pelajar.

Pada hari terakhir, majlis perasmian penutup majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) YBhg. Prof Dr. Izaidin bin Abdul Majid. Program berakhir pada pukul 5.30 petang.







# Varsity Cycling Challenge






Varsity Cycling Challenge anjuran Pusat Sukan UTeM bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berlangsung meriah dengan 327 peserta untuk 10 Kategori yang dipertandingkan.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr Shahrin Shahib melahirkan rasa kesyukuran atas kepercayaan yang diberikan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kepada UTeM dalam menggalas tanggungjawab untuk menganjurkan acara tahunan ini.

Beliau yang turut menjadi juara bagi kategori VIP Lelaki memberi jaminan UTeM sentiasa memberi komitmen dengan menubuhkan majlis sukan dalam universiti untuk mengenalpasti kekuatan dalam bidang sukan terutamanya dalam acara berbasikal dan ping-pong.

"Saya juga yakin dengan muafakat serta berkat kerjasama antara UTeM dengan pihak seperti KPT dan universiti yang lain akan membawa sukan berbasikal lebih maju di masa hadapan" katanya.

Pelumba basikal Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Aele Shafri dan pelumba Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nor Faizatul Ahmad Joyo cemerlang mengungguli Varsity Cycling Challenge bagi kategori masing-masing iaitu individu pelajar IPT lelaki 85 km dan individu pelajar IPT wanita 45 km .

# Meningkat Kecemerlangan Pelajar
# "Ikon Khalifah" melalui kaedah VAK S4B UTeM

Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah menganjurkan program meningkat kecemerlangan pelajar "Ikon Khalifah" melalui kaedah VAK S4B UTeM pada 21 dan 22 Mei 2016 di Seri Menanti Resort, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Seramai 50 orang pelajar telah mengikuti program tersebut.

Program ini diadakah bertujuan untuk meningkatkan potensi diri dan seterusnya diharap dapat melonjak kecemerlangan akademik pelajar. Program ini merupakan agenda utama UTeM untuk meningkatkan bilangan pelajar mencapai keputusan ijazah kelas pertama apabila bergraduasi kelak.

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan dibantu oleh lima (5) orang Coach UTeM yang terlatih telah memilih pendekatan VAK (Visual, Auditory dan Kinesthetic) sebagai kaedah pelaksanaan program. Melalui pendekatan ini, minda separa sedar pelajar didorong untuk berfungsi semaksimum mungkin agar terserlah potensi diri yang sebenar. Pendekatan VAK mendorong pelajar untuk menentukan matlamat masa hadapan dan dibantu oleh Coach UTeM untuk menyusunatur strategi dan langkah yang dipilih sendiri oleh pelajar.

Program ini telah mendapat sokongan penuh oleh Kementerian Pendidiikan Tinggi Malaysia (KPTM) di mana Y.Bhg. Datuk Halim bin Jusoh, setiausaha politik kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi telah hadir dan mengendalikan sesi "individual coaching" kepada salah seorang pelajar.




















# Jalinan Komuniti

## BERSAMA MASYRAKAT BATU 5 KAMPUNG GONG KEMUNTING DI KUALA IBAI, TERENGGANU

KOR SUKSIS UTeM bersama Majilis Perwakilan Pelajar 15/16 telah mengadakan aktiviti Jalinan Komuniti bersama masyarakat Batu 5 Kampung Gong Kemunting di Kuala Ibai, Terengganu. Program berlangsung selama 3 hari dengan pengisian pelbagai aktiviti yang telah dilakukan oleh golongan muda sehinggalah ke warga emas.

Objektif utama program yang disertai oleh 33 orang ahli KOR SUKSIS UTeM dan 3 orang pegawai pengiring ini adalah untuk merapatkan ukhwah dan memberi peluang kepada mahasiswa/I untuk berkhidmat kepada penduduk kampung. Pelbagai aktiviti telah diadakan termasuk acara sukaneka, Latihan Dalam Kumpulan (LDK), program 10,000 langkah dan aktiviti gotong royong bersama penduduk kampung yang memberi impak dari sudut kesihatan.

Melalui aktiviti yang dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) ini juga para peserta dapat melihat keindahan alam flora dan kawasan sekitar . Selepas itu para peserta dimeriahkan dengan aktiviti senamrobik berunsurkan Taichi dan ini merupakan pengalaman bermakna buat para pelajar UTeM.

# SISWA PATRIOTIK

## Bersama Komuniti




Program ini telah melibatkan 385 orang peserta dari pelbagai UA dan IPTS Negeri Melaka telah diagihkan kepada tiga kawasan iaitu Kampung Ayer Molek, Kampung Belimbing Dalam dan Kampung Simpang Bekoh. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah gotong-royong, melukis lukisan mural kemerdekaan, mengecat rumah orang miskin terpilih, mengecat surau, membersihkan madrasah dan kawasan kubur, aktiviti mewarna kanak-kanak, mini sukaneka, membina landskap, menanam pokok, menyembelih lembu, rewang dan kenduri kesyukuran. Program ini juga diserikan lagi dengan kehadiran Ahli Dewan Negeri (ADUN) dan wakil Adun kawasan masing-masing. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib di Kampung Ayer Molek.





# *Karnival Penghayatan Islam VII*
# MERIAHKAN PESTA KONVOKESYEN UTeM KE-12

Karnival Penghayatan Islam (KPI) anjuran Badan Dakwah dan Kerohanian (BADAR) UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) UTeM turut memeriahkan Pesta Konvokesyen UTeM kali ke-12 telah diadakan di Tapak Pesta Konvo, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka. Karnival yang berlangsung selama 3 hari bermula 1 Oktober hingga 15 November 2016, telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pengunjung termasuklah mahasiswa UTeM dan orang awam.

Menurut Penolong Pendaftar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) merangkap penasihat BADAR, Ahmad Fadzil Mohamad, Program KPI VII adalah medium dakwah kepada masyarakat UTeM di mana ia dijadikan sebagai program pembukaan Pesta Konvo serta di jadikan program tahunan. Menurutnya lagi, dengan bertemakan "Journey To Jannah" program pada tahun ini memberi sedikit kelainan daripada sebelumnya iaitu menjadikan syurga Allah sebagai destinasi terakhir di samping memberi bimbingan dan panduan kepada mahasiswa dalam pembentukan akhlak Islamiah. Dengan adanya program seperti ini, diharap dapat membentuk mahasiswa yang berintegriti, bersahsiah dan berakhlak tinggi selaras dengan kehidupan seorang mahasiswa yang bakal menjadi golongan profesional dan pelapis pemimpin negara pada masa akan datang.

Pelbagai program telah dilaksanakan sepanjang karnival ini berlangsung. Antaranya bengkel Road to Barzakh, Malam Akustika yang menampilkan 2 orang artis iaitu Raqib Majid (AF) dan Aiman Azlan. Selain itu, ceramah agama turut menampilkan beberapa selebriti termasuklah Zul Yahya, PU Hafiz, Heliza Helmi, Ustaz Haryanto dan Ustaz Syamsul Debat serta kemuncak program Malam Kesenian Islam bersama kumpulan Al – Maulid yang diadakan pada malam terakhir Pesta Konvokesyen ke-12.











# TRAINING OF TRAINERS
## MELATIH FASASI BERWIBAWA



Program TOT ini diadakah adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan dan melatih pelajar menjadi seorang fasilitator yang berwibawa di dalam membantu universiti menjayakan program-program universiti. Program ini juga telah dibantu oleh bekas fasilitator Minggu Haluan Siswa (MHS) yang telah dipilih melalui kaedah temuduga dan dibentuk Team Trainer dalam menjayakan program ini. Program ini dijalankan terdapat 5 siri.

Program TOT Siri 1 ini adalah lebih menekankan kepada peserta berkenaan **Pengenalan Asas Fasilitator**. Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang Program TOT Siri 1 ini adalah Modul Ice Breaking, Modul Mengenal Potensi Diri dan Modul Kemahiran Asas Menolong. Selain Modul-modul LDK, terdapat juga slot Ceramah yang bertajuk “Peranan dan Cabaran Fasilitator” yang telah disampaikan oleh Encik Zainudin Bin Ahmad,Timbalan Pendaftar Kanan HEP UTeM.

Program TOT Siri 2 telah diadakan di Bengkel Kokurikulum UTeM. Tujuan program ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada peserta untuk melengkapkan diri dari segi sahsiah diri, fizikal dan mental untuk menjadi fasilitator yang berwibawa. Modul untuk kem ini lebih menekankan tentang semangat kerja berpasukan, memupuk semangat kekitaaan, berdikari, kesabaran dan pemikiran kreatif dikalangan fasilitator.

Program TOT Siri 3, fasilitator telah mengadakan Pogram Pemantapan Insaniah bersama pelajar sekolah yang terpilih antaranya Sekolah Menengah Kebangsaan Dang Anum, Merlimau, Smk (A) Sharifah Rodziah, Kolej Vokasional Datuk Md Zin, Sekolah Menengah Kebangsaan (A) Sultan Muhammad dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rambai, Melaka. Tujuan program ini di adakan adalah untuk meningkatkan kemahiran pengurusan, kepimpinan dan melatih pelajar menjadi seorang fasilitator yang berwibawa di dalam membantu universiti menjayakan program-program Universiti.Selain itu, fasilitator juga di berikan latihan dalam menguruskan Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bersama-sama pelajar sekolah berkenaan.

Program TOT Siri 4 telah di adakan di Kem Bina Negara Maran, Pahang. Tujuan program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada fasilitator berkenaan dengan Patriotisme dan beberapa aktiviti Latihan Dalam Kumpulan. Aktiviti yang diadakan telah memberi semangat kerjasama berpasukan untuk menjayakan sesuatu aktiviti.

Program TOT Siri 5 telah di adakan di Pantai Tanjung Bidara. Tujuan program ini di adakan adalah untuk memberi pendedahan kepada fasilitator mengadakan aktiviti khidmat masyarakat bersama penduduk di kawasan berhampiran. Selain itu juga ia memberi semangat kerja berpasukan kepada fasilitator dalam mengharungi segala cabaran yang dihadapi.





UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Malam Citra Merdeka 2016



Malam Citra Merdeka 2016 UTeM yang dianjurkan Bahagian Kebudayaan & Muzik, Pejabat Hal Ehwal Pelajar memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan Malaysia yang ke-59 bersama lebih 2,000 pelajar UTeM di Dewan Besar UTeM pada 30 Ogos 2016.

Memupuk Cinta Negara adalah tujuan utama penganjuran Malam Citra Merdeka 2016 yang turut berlangsung ketika Minggu Haluan Siswa UTeM 2016/2017. Justeru itu, semangat patriotik serta cintakan negara dapat ditingkatkan dalam kalangan pelajar. Program ini juga diadakan untuk memupuk semangat bersatu-padu yang telah lama menjadi amalan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pengisian program diserikan dengan persembahan nyanyian lagu-lagu patriotik oleh para pelajar UTeM diiringi Kumpulan Orkestra UTeM, persembahan Puisidra oleh Kumpulan Teater KASAWARI, Diabolo oleh Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina UTeM, deklamasi puisi oleh Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UTeM, Ahmad Nawawi bin Mohd Amin dan ceramah 'Semarak Merdeka' yang disampaikan oleh Y.Bhg Prof Datuk Dr. Mohamed Fadzil bin Che Din, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Program ini disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Y.Bhg. Prof Datuk Dr. Shahrin Bin Sahib yang diiringi Timbalan Naib Canselor (HEP) UTeM Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin Bin Abdul Majid, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Bin Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Y.Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd. Jailani Bin Mohd. Nor, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri Dan Masyarakat) Prof. Dr. Mohd Ridzuan Bin Nordin serta beberapa Pegawai Kanan UTeM.

Naib Canselor UTeM yang turut sama mendeklamasikan puisi kemerdekaan serta kemuncak acara dengan menyampaikan Watikah Kemerdekaan yang dibawa oleh sekumpulan peserta Larian Merdeka diketuai oleh pemenang pingat emas SUKMA 2016 Anis Amira binti Basri. Selepas membaca Watikah Merdeka, Laungan 'Merdeka!' oleh Naib Canselor UTeM Y.Bhg. Prof Datuk Dr. Shahrin Bin Sahib bergema tepat pada 12 malam. Seiring dengan tema Hari Kebangsaan 'Sehati, Sejiwa', para pelajar yang berbilang kaum turut sama-sama berdiri menyahut laungan Merdeka dengan penuh semangat sambil mengibarkan Jalur Gemilang serta menyanyikan lagu Tanggal 31.















# Warna Warni Budaya 1 Malaysia

Saban tahun UTeM memberikan kerjasama terbaik dalam menyokong kerajaan negeri Melaka demi menjayakan program tahunan yang diadakan iaitu Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2016. Usai Melaka Parade 2016, UTeM berbesar hati menganjurkan Program Warna Warni Budaya 1Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Pertubuhan Sungai dan Pantai Melaka di Dataran Restoran Melayu, Kampung Morten, Melaka.

Program ini disertai oleh para pelajar UTeM yang terdiri dari pelbagai kaum dengan persembahan tradisional budaya Malaysia seperti Tarian Tradisional Melayu, Baba Nyonya, Portugis, Tradisional Cina, *Live Band*, Gamelan, Teater, Diabolo dan Gendang 24 Musim. Kepelbagaian budaya ini membawa erti bahawa inilah warna warni budaya 1 Malaysia yang berbeza namun masih mengekalkan perpaduan kaum yang erat.

Persembahan kebudayaan sempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2016 ini disaksikan oleh pelbagai lapisan masyarakat setempat serta pelancong tempatan dan luar negara.Turut hadir memeriahkan program ini ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM, Y.Bhg Prof. Dr. Izaidin Bin Abdul Majid serta Ketua Eksekutif Perbadanan Sungai dan Pantai Melaka, Encik Nazary Bin Ahmad dan Timbalan Pendaftar Kanan, Encik Misdom bin Lan.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Malam Kebudayaan 9th UTeM Mooncake Festival



Malam Kebudayaan 9th UTeM Mooncake Festival telah disambut meriah oleh lebih 1000 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat di Dewan Sukan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Orang ramai yang menghadiri program ini termasuk pelajar UTeM, masyarakat setempat dan pelajar Universiti Awam dan kolej luar seperti Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TARC), Univeristi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL).

Malam Kebudayaan telah dirasmikan oleh Y.B Datuk Lim Ban Hong, Wakil Exco Pengangkutan, Pemulihan projek dan Perdagangan Antarabangsa, diiringi Prof Madya Dr. Tay Choo Chuan dan En. Amir bin Ali, Pegawai Kebudayaan, HEP, UTeM. Y.B Datuk Lim Ban Hong berkata, "Program seumpama ini dapat menerapkan semangat perpaduan supaya semakin utuh dan menjadi teras keharmonian negara Malaysia dan sekaligus mampu mewujudkan para pelajar yang berkempimpinan, kreatif dan prihatin".

Program ini berlangsung dengan lancar melalui gerakan kerjasama seramai 160 orang urus setia dengan diketuai 27 orang pengerak utama. Tema Mooncake Festival tahun ini adalah "*Zhui Yuan*" yang membawa maksud mengingati dan menghargai jasa baik nenek moyang serta berusaha untuk mewarisi tradisi kebudayaan. Di samping itu, program ini juga menjadi platform untuk memupuk sikap keprihatinan mahasiswa/i dengan memberi sumbangan derma kepada organisasi kebajikan Persatuan Kanner Melaka.






# Spring Festival UTeM ke 10







Seramai lebih 1800 warga UTeM, para pelajar dari universiti lain, pelajar sekolah menengah serta sekolah rendah serta masyarakat tempatan memeriahkan program Spring Festival UTeM ke-10 anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina (KKKC) yang berlangsung sepanjang bulan Mac dimulakan dengan Roadshow 1.0, Roadshow 2.0, Roadshow 3.0, Karnival Kebudayaan dan seterusnya acara kemuncak iaitu Malam Kebudayaan.

Spring Festival UTeM ke-10 anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina (KKKC) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM adalah acara tahunan yang mendapat sambutan meriah dengan pengisian pelbagai persembahan drama, nyanyian dan tarian tradisional serta tarian moden. Program ini disempurnakan oleh Y.Bhg Senator Datuk Koh Chin Han dan dihadiri Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Mohd Ridzuan Bin Nordin, Penasihat Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina, Dr. Tay Choo Chuan, Pegawai Kebudayaan HEP, En. Amir Bin Ali dan Ahli Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah En. Soon Lam San.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PESTA PONGGAL 2016

Pesta Ponggal 2016 *'Otrumai Ponggal'* anjuran Kelab Kebudayaan UTeM telah diadakan di Arked Kolej Kediaman Lestari. Pesta Ponggal ini diraikan sempena bermulanya Pesta Menuai dalam kalendar Hindu. Program telah dimulakan dengan tarian tradisional India iaitu Kolattam dan disempurnakan oleh Pegawai Kebudayaan Encik Amir bin Ali dan seterusnya gimik perasmian. Program yang dihadiri oleh para pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum itu dimeriahkan dengan acara kemuncak iaitu pertandingan memasak ponggal dan diikuti dengan pelbagai acara menarik iaitu pertandingan melukis kolam, mengikat bunga, mengikat thoranam, melukis inai dan memukul periuk. Program ini menjadi program yang dinanti-nantikan saban tahun kerana keunikannya dan tradisi yang terus diwarisi oleh generasi masa kini dan akan datang.









# UTeM MENCATAT REKOD MALAYSIA BOOK OF RECORDS

UTeM mencatat rekod Malaysia Book of Records dengan membina Logo Terbesar Menggunakan Penutup Botol. Program pemecahan rekod Malaysia yang juga dikenali dengan nama *The Largest Logo Formation Using Bottle Caps* itu telah diadakan di Dataran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) pada September lalu. Logo '*Don't Mess With Melaka*' berukuran 14.65 meter panjang dan lebar 3.85 meter itu dibina menggunakan sejumlah 49000 penutup botol.

Program yang berlangsung serentak dengan Karnival Mooncake Festival itu dirasmikan oleh Datuk Ar. Hj. Ismail Bin Hj. Othman, Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan diiringi Prof. Dr .Izaidin Bin Abdul Majid, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM, Prof. Madya Dr. Tay Choo Chuan, Penasihat Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina UTeM serta En. Soon Lam San, Ahli Majlis MBMB.











# UTeM Memeriahkan Melaka Parade 2016

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memeriahkan Melaka Parade 2016 yang diadakan bersempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2016 yang dianjurkan Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka. UTeM merupakan salah satu daripada 65 Kontijen yang mengambil bahagian dalam perarakan yang bertemakan 'Bunyi dan Cahaya'. Perarakan bermandikan cahaya, bunyi muzik serta dimeriahkan lagi dengan persembahan kebudayaan dan pertunjukan bunga api itu berlangsung sejauh tiga kilometer di sepanjang Jalan Hang Tuah hingga ke Dataran Restoran Melayu Melaka.

Kontinjen UTeM yang diketuai oleh Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar, Ahmad Nawawi Mohd Amin itu memulakan perarakan diiringi 40 pelajar UTeM termasuk maskot UTeM berbentuk Robot yang bersesuaian dengan imej teknikal yang kreatif dan inovatif UTeM.

Program yang penuh warna-warni dengan pelbagai persembahan kebudayaan ini turut diserikan pula dengan kehadiran Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob serta Speaker Dewan Undangan Negeri , Datuk Wira Othman Muhammad dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Naim Abu Bakar.

Sebanyak 12 subsektor yang terbabit dalam perarakan ini iaitu sejarah, budaya, rekreasi, sukan, beli-belah, pelancongan kesihatan, belia, pendidikan, agro pelancongan, makanan dan Melaka My Second Home.

## Majlis Penyampaian Bantuan Hari Raya LPU






## Misi Kesukarelawanan Mangsa Ribut di Durian Tunggal




## Program Kit Ziarah






## Sumbangan Bantuan Bencana Kebakaran di Banting, Selangor







## Misi Sukarelawan Banjir di Kelantan dan Segamat, Johor









## Penyampaian Bantuan Kewangan Pembiayaan Pembedahan





## Sumbangan Khairat Kematian Pelajar-Pelajar UTeM









MyUTeM · UTeM_my · UTeM_moments · VideoUTeM · UTeM Channel

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# BUDAYA BERPAKAIAN KEMAS, BERSIH DAN SOPAN

*Menepati Amalan Masyarakat Malaysia*

## PAKAIAN FORMAL :
Majlis Rasmi, Mesyuarat dan Urusan Rasmi serta Lawatan ke Luar Negara



**Lelaki**
- Kemeja lengan panjang / pendek bertali leher
- Seluar panjang
- Berstokin dan kasut pejabat
- Pakaian kebangsaan
- Memakai kad matrik
- Bersongkok hitam

**Perempuan**
- Kemeja lengan panjang / pendek
- Seluar panjang
- Berstokin dan kasut pejabat
- Pakaian kebangsaan
- Baju Kurung
- Memakai kad matrik



## PAKAIAN SEPARA FORMAL :
Dewan Kuliah, Tutorial, Perpustakaan, Kafeteria dan Bangunan Pentadbiran



## PAKAIAN & PENAMPILAN YANG TIDAK DIBENARKAN
### Semasa di Kawasan Kampus

**Lelaki**
- Pakaian tidak sopan
- Bertindik / memakai subang
- Berselipar / terompah
- Mewarnakan rambut
- Bertatu
- Memakai bandana kecuali aktiviti rekreasi

**Perempuan**
- 'Mini Skirt' atau seluar pendek
- Pakaian yang menjolok mata
- Baju T tanpa lengan / kolar
- Berselipar / terompah
- Memakai purdah
- Mewarnakan rambut
- Bertatu
- Memakai bandana kecuali aktiviti rekreasi

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Pakaian Separa Formal – Lelaki**
- Baju T 'plain' berkolar
- Seluar panjang
- Kemeja lengan panjang / pendek
- Kasut dan stokin
- Memakai kad matrik

**Pakaian Separa Formal – Perempuan**
- Kemeja lengan panjang / pendek
- Seluar panjang
- Baju Kurung
- 'Blaus' sopan dan kemas
- 'Skirt' labuh
- Memakai kad matrik

## PAKAIAN SUKAN :
Yang Bersesuaian Ketika di Gelanggang / Dewan Sukan / Padang / Bilik Gimnasium dan Majlis Sukan



**Lelaki / Perempuan**
- Kemeja T lengan panjang / pendek
- Seluar 'track bottom'
- Kasut Sukan
- Berstokin

## POTONGAN RAMBUT Semasa Pengajian di Kampus



Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka | #engineerbelike, #utemstyle


UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR 2016/2017
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
MPPUTeM 2016/2017
YANG DI PERTUA
ABDUL HANIF BIN ABDUL RANI
019-9521992
hanifrani.mpputem1617@gmail.com
SETIAUSAHA AGUNG
MAIZATUL AFIFAH BINTI IDRIS
017-6248272
afifahidris.mpputem1617@gmail.com
TIMBALAN YANG DI PERTUA
MOHAMAD AMERUL BIN ZAINUDDIN
014-8230411
amerul.mpputem1617@gmail.com
BENDAHARI KEHORMAT
NUR AYUNNI BINTI SHAMSHOL ALI
017-5038487
ayunni.mpputem1617@gmail.com
SETIAUSAHA KERJA
(akademik &antarabangsa)
BALQIS BINTI HAMITAF
018-2707647
balqis.mpputem1617@gmail.com
PENOLONG YANG DI PERTUA
(akademik &antarabangsa)
MUHAMMAD ZAIM BIN AZMI
019-2549422
zaim.mpputem1617@gmail.com
PENOLONG YANG DI PERTUA
(aktiviti & hal ehwal pelajar)
HADI ASHRAF BIN ZULKIFLEE
014-5071737
hadiashraf.mpputem1617@gmail.com
SETIAUSAHA KERJA
(aktiviti & hal ehwal pelajar)
NUR RABIATUL ADAWIAH MOHD KHALIL
011-25450129
rabiatul.mpputem1617@gmail.com
EXCO ANTARABANGSA DAN KOPERAT
TALAL MAHMOOD OTHMAN
016-2520241
talalmahmood.mpputem1617
@gmail.com
FIFIYANA ASMIDA
ABDUL SAMAT
017-7288443
fiya.mpputem1617@gmail.com
EXCO PENEMPATAN, KEMUDAHAN DAN ALAM SEKITAR
ZULKARNAEN
BIN KALET
014-2266505
zulkarnaen.mpputem1617@gmail.com
MUHAMMAD SHAHFANIZAM
SHAH BIN MUSTAFFA
011-25453264
shah.mpputem1617@gmail.com
EXCO PEMBANGUNAN MAHASISWA DAN KEROHANIAN
NURUL ISMAHANI ADILAH
BINTI ABU HASSAN
011-39884438
ismahani.mpputem1617@gmail.com
MUHAMMAD FIKRI
BIN ZUHAIRI
011-31201544
fikrizuhairi.mpp1617@gmail.com
EXCO INOVASI DAN KERJAYA
IBRAHIM SOLIMAN
018-2032371
ibrahimsoliman.mpputem1617
@gmail.com
MOHAMAD RAZLY
BIN MOHD RAFFAY
019-4126441
razlyraffay.mpputem1617@gmail.com
EXCO AKADEMIK DAN HAL EHWAL FAKULTI
CHEN CHIT SING
014-9275817
chitsing.mpputem1617
@gmail.com
NABILA NUR AINI RUSLAN
017-6489231
nabilanuraini.mpputem1617
@gmail.com
MOHD SHAHMIRZZY
BIN KELVIN SEMBAI
016-8612574
mirzzy.mpputem1617@gmail.com
EXCO SUKAN DAN REKREASI
MUHAMMAD NUR AZAMUDDIN
BIN ABDUL RAHMAN
017-5713745
azam.mpputem1617@gmail.com
MOHD HABIB
BIN MOHD SUPINAR
012-9268920
habibsupinar.mpputem1617@gmail.com
EXCO PENERBITAN DAN PUBLISITI
LUQMANULHAKIM
BIN HANAPIAH
019-2417763
luqman.mpputem1617@gmail.com
MUHAMMAD HAZIM
BIN MUHAMMAD FADZIR
011-19820935
hazimfadzir.mpputem1617@gmail.com
EXCO KEUSAHAWANAN
MUHAMMAD NUR SHUKRI
BIN JAWAHIR
011-36734339
shukrijawahir.mpputem1617@gmail.com
NUR RASYIDAH
BINTI SAHAK
012-3405541
rasyidah.mpputem1617@gmail.com
EXCO PENGANGKUTAN DAN KESELAMATAN
INTAN FARAH NAJIHAH
BINTI RAZALI
014-7292458
intanrazali.mpputem1617@gmail.com
MUHAMMAD NUR ALIFF
BIN ABU BAKAR
012-6418087
aliff.mpputem1617@gmail.com
EXCO KEBAJIKAN DAN KOMUNITI
NUR SYAHIRAH
BINTI ZAKARIA
013-6770290
syahirah.mpputem1617@gmail.com
SHUMITRA
RADARKRISHNAN
011-35022834
shumitra.mpputem1617@gmail.com
SITI FATIMAH AISHAH
BINTI ZAUQUI
010-9387393
aishah.mpputem1617@gmail.com
STRIVE FOR UNITY,LEAD
WITH CONFIDENCE
mpputem1617
Majlis Perwakilan
Pelajar UTeM
twt_mpputem

# Riang Ria Aidilfitri 2017















UTeM

UNIVERSTI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

HANG TUAH JAYA, 76100 DURIAN TUNGGAL,
MELAKA, MALAYSIA.

w w w . u t e m . e d u . m y